

BUAH DARI POHON CAHAYA

Oleh
Badiuzzaman Sa'id Nursi

Edisi Bahasa Melayu
Diedit dari Bahasa Indonesia
Buah Dari Pohon Cahaya

Penterjemah: Drs. Hazil Tanzil
Editor: Pustaka Firdaus
Penerbit: Pustaka Firdaus, Jakarta

Cetakan Pertama Julai 1984

UFUK MEDIA SDN. BHD.
No. 1.28, Plaza City One,
Jln. Munshi Abdullah,
50100 Kuala Lumpur, Malaysia.

KANDUNGAN

Mukaddimah

1. Kata Pertama
2. Doa Nabi Yunus a.s.
3. Musibah Nabi Ayub a.s.
4. Percaya Kepada Manusia
5. Bukti-bukti Kebangkitan
6. Manifestasi Kewujudan Tuhan
7. Bukti-bukti Kekuasaan Tuhan
8. Percaya Kepada Akhirat
9. Kewajipan Sembahyang
10. Hidup Yang Tidak Kekal
11. Syarat-syarat Iman
12. Musuh Cita-cita

MUKADDIMAH

Buku kecil ini merupakan satu rangkaian intisari dari karya paling penting dalam khazanah tentang agama dan falsafah yang terbit di Turki pada abad moden ini. Karya ini bernama Risalah an-Nur karya Badiuzzaman Said Nursi.

Said Nursi hidup antara tahun 1873 M – 1960 M. Pengetahuannya tentang pelbagai ilmu Timur dan Barat amat luas sekali dan beliau mampu menyelesaikan permasalahan yang paling rumit sekalipun. Oleh itu beliau diberi gelaran “BADIUZZAMAN” yang bermaksud mukjizat zaman. Bagi beliau penyakit yang paling parah dideritai oleh manusia masa kini yang ingin mencari kebahagiaan sebenar ialah kecenderungan memandang ilmu pengetahuan moden dan pengetahuan agama sebagai sesuatu yang tidak boleh disatukan. Ilmu pengetahuan moden dipisahkan secara total dari ilmu agama. Manusia dalam kenyataannya terdiri dari jiwa dan raga, tetapi mengapa kewujudannya dipandang hanya dari satu sudut ilmu sahaja? Itulah yang menyebabkan krisis dan inilah yang dialami oleh manusia sehingga dia tersesat.

Ilmu pengetahuan moden memberikan kesan langsung yang boleh dirasai di dunia sedangkan hikmah agama akan dinikmati di hari kemudian kelak. Fakta ini dan keunggulan ilmu pengetahuan moden telah menghasilkan teknologi mutakhir yang secara rasional cenderung ke Barat. Tetapi malangnya, teknologi canggih dengan segala kehebatannya itu tidak dapat menemukan ubat penawar kepada luka rohaniah yang dideritai oleh manusia.

Menghadapi keadaan ini, maka sebagai seorang cendekiawan yang mengakui perlunya keserasian antara ilmu pengetahuan moden dan ilmu agama, Badiuzzaman meneliti dasar-dasar kepercayaan menurut cara yang sesuai dengan pemikiran moden. Beliau kemudiannya mengarang Risalah an-Nur setebal 6000 muka surat. Agama telah beliau selediki dengan cara yang berbeza daripada yang digunakan oleh para ulamak sebelumnya. Ketika Badiuzzaman menjawab pertanyaan beberapa murid yang mengeluh

tentang giuru-guru mereka kerana tidak menerangkan mengenai hal ehwal Tuhan, maka diperingatkan agar setiap murid mencurahkan perhatian sepenuhnya kepada ilmu yang dipelajari. Janganlah si murid bersikap pasif menunggu segalanya dari guru. Dengan demikian maka Badiuzzaman menganggap adalah amat penting membahaskan setiap masalah dalam Risalah an-Nur secara lengkap sehingga difahami oleh murid-murid dan setiap golongan manusia. Beliau memberikan contoh-contoh yang sederhana manakala penerangan dalam segi keyakinan telah diolah dengan mendasar dan mendalam sekali.

Institut Risale-I Nur di Amerika telah memikul tugas melaksanakan penterjemahan ke dalam bahasa Inggeris dan menyajikan bunga rampai ini sebagai contoh pertama.

Kami berusaha mengikuti gaya bahasa asal sehampir yang mungkin dan memohon kepada para pembaca mengingati bahawa jiwa dan susunan bahasa Turki Uthmaniah klasik dari buku asal adalah amat berbeza dengan yang biasa ditemui dalam banyak buku berbahasa Inggeris dan bahasa-bahasa moden lainnya.

Dari Allah datangnya berkat dan kepada-Nya kami percaya.

Risale-i Nur Institute of America.

1. KATA PERTAMA

Bismillah adalah awal dari segala yang baik. Kita mengucapkan Bismillah ketika memulai suatu pekerjaan. Ketahuilah bahawa perkataan mulia ini merupakan lambang Islam dan di waktu yang sama sebagai puji-pujian yang selalu dinyanyikan tak henti-henti oleh segala makhluk yang menghuni bumi ini. Jika engkau ingin memahami kekuatan kata “Bismillah” dan betapa hikmah yang diberikan itu tidak berpenghujung, maka perhatikanlah perumpamaan berikut ini :

Seseorang yang ingin berkelana di gurun pasir Tanah Arab di mana terdapat banyak gangguan orang-orang Badwi, perlu menyebut salah satu nama Sheikh dan mengaku mendapat perlindungan daripadanya. Hanya dengan cara demikian musafir tersebut akan selamat dari gerombolan perompak dan sampai ke tujuannya. Jika tidak, ia akan menemui ajalnya di tengah jalan kerana dihadang musuh dan rintangan yang bertubi-tubi.

Syahadan, ada dua orang yang memulai perjalanan mengharungi gurun pasir. Seorang mempunyai sifat rendah hati, manakala seorang lagi sombong. Musafir yang rendah hati dan sederhana itu memohon perlindungan dari seorang Sheikh, manakala si tinggi hati tidak menganggap hal itu penting. Si rendah hati berjalan ke mana-mana dengan selamat. Setiap kali bertemu dengan penjahat, dia berkata, “ Saya berkelana atas nama Sheikh Anu..”, maka penjahat itu tidak berani mengganggunya. Malah di setiap khemah yang dia hampiri dengan menyebut Sheikh tersebut, dia diperlakukan dengan hormat. Sebaliknya si angkuh menderita luar biasa sepanjang perjalanannya. Dia dicengkam rasa takut dan harus meminta-minta jika menginginkan sesuatu. Dia benar-benar telah menjadi seorang yang hina dan dinistakan orang.

Wahai jiwa yang angkuh! Engkaulah musafir itu dan bumi ini bagaikan gurun pasir. Engkau lemah dan papa kedana. Musuh dan kesengsaraan yang engkau hadapi tak terkira jumlahnya. Oleh itu sebutlah nama Tuhan.

Hanya dengan menyebut nama Allah engkau akan dibebaskan dari rasa hina dan takut menyaksikan keadaan sekelilingmu.

“Bismillah” adalah satu perkataan yang amat luhur yang mendekatkan engkau kepada Allah Yang Maha Kuasa Lagi Maha Pemurah.

Kelemahan dan kemiskinanmu akakn berubah oleh keananya sehingga menjadi tumpuan di sisi Allah Yang Maha Mulia. Siapa yang mengucapkan “Bismillah” adalah ibarat seorang yang mendaftar masuk tentera lalu berjuang atas nama negara! Dia tidak akan takut kepada sesiapaupun. Dia berjuang atas nama hukum dan negara sehingga dia berani menghadapi segala rintangan.

Semua makhluk mengucapkan Bismillah pada awal permulaan
Kalimat di atas memerlukan keterangan seperti berikut:

Umpamanya ada seseorang yang masuk ke bandar dan memaksa seluruh penduduknya untuk berkumpul di suatu tempat dan melakukan suatu pekerjaan. Jelaslah bahawa orang itu tidak bertindak seorang diri atau berdiri atas kekuatan peribadinya semata. Mungkin dia merupakan seorang tentera yang bertindak atas nama negara atau atas kekuasaan seorang raja.

Begitulah yang terjadi ke atas benda-benda di muka bumi ini yang bertindak atas nama Tuhan Yang Maha Kuasa. Setiap pohon mengucapkan “Bismillah” dan mengisi “tangan”nya dengan buah-buahan yang disediakan untuk kita. Setiap kebun juga mengucapkan “Bismillah”, menjelma ibarat bejana besar kepunyaan Tuhan yang terdapat ribuan jenis makanan yang lazat-lazat belaka. Semua haiwan seperti sapi, lembu, unta, kambing dan biri-biri juga mengucapkan “Bismillah”. Bagaikan sumber yang mengalir

di dalamnya limpahan susu rahmat Allah. Kita beroleh kehidupan yang penuh kenikmatan, kemurnian dan subur atas nama Allah Yang Maha Pemurah. Setiap tanaman, rumput dan akar-akar yang halus bagaikan sutera juga mengucapkan “ Bismillah ”. Tanaman menembusi permukaan bumi yang kadang-kala melalui batu padas dengan ucapan “Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah”. Pepohon menguakkan cabang-cabangnya ke udara; akar-akar merambat dan menyebar tanpa halangan dan menembusi batu pada dan keras. Daun-daun yang berwarna hijau tetap lembap selama berbulan-bulan meskipun di bawah terik mentari. Semua ini merupakan bukti dan juga sebagai hujah yang menyangkal para pengikut materialisme.

Sifat keras dan sifat panas yang kita akui kewujudannya, juga bertindak sesuai dengan perintah Ilahi. Ranting pohon lurus yang menjadi tongkat Nabi Musa a.s. juga menurut perintah Allah sebagaimana firman-Nya:

“Lalu Kami berfirman: “ Hai Musa! Pukulkanlah tongkatmu ke atas batu itu.” (Surah al-Baqarah: 60) sehingga ia dapat membelah batu karang.

Dan daun-daun nipis melayang-layang dan ranting-ranting berhamburan dalam nyalaan api, namun tidak sedikitpun menyakiti nabi Ibrahim a.s. atas suruhan Allah:

“Hai api! Jadilah kau benda yang sejuk dan selamat.” (Surah al-Anbiya’:69) menentang sifat panas yang disemburkan nyalaan api.

Semenjak itu semua makhluk menuturkan kata “Bismillah”.

Anugerah Allah telah diberikan kepada kita dengan nama Allah. Kita wajib menyambutnya dengan “ Bismillah ”. Kita memberi dan menerima sesuatu dengan nama Allah. Hendaknya kita tidak menerima sesuatu apapun tanpa menyebut nama Allah. Di dalam kehidupan ini, kita harus membayar harga setiap apa yang diberikan oleh orang lain kepada kita, walaupun hanya berbentuk jasa. Berapakah pula harga yang diminta oleh Allah, Pemilik sebenar dari segala yang wujud itu? Allah Pemberi segala kenikmatan hanya meminta kepada kita tiga perkara iaitu: mengingati-Nya, mengucapkan syukur ke atas nikmat-Nya dan hendaklah kita memikirkan kekuasaan-Nya.

Ucapan “ Bismillah ” menyatakan bahawa kita mengingati-Nya. Kalimah “Alhamdulillah” pula menyatakan rasa kesyukuran. Bertafakur adalah cara untuk kita memikirkan nikmat yang kita terima sebagai mukjizat kekuasaan Allah Yang Maha Kuasa. Jika kita mahu berterima kasih dengan mencium kaki seorang pesuruh yang menghantarkan hadiah berharga dari raja, tidakkah kita ini terlalu bodoh kerana tidak mengenal asal sebenar hadiah itu? Maka orang yang memuji si pesuruh dan melupakan pemberi sebenar hadiah itu adalah amat bodoh.

Oleh itu wahai manusia, hindarkan kebodohan yang sedemikian rupa! Berilah dengan nama Allah dan terimalah dengan nama Allah. Mulakan hari ini dengan nama Allah. Sekian.

2. DOA NABI YUNUS A.S.

Nabi Yunus a.s. terlempar masuk ke dalam laut dan ditelan seekor ikan rasaksa. Ketika itu malam sangat kelam dan laut bergemuruh dengan hebat. Sedikitpun tiada harapan baginya untuk mendapatkan pertolongan. Dalam keadaan putus asa itu, beliau berdoa:

“Tiada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau. Sesungguhnya akan termasuk ke dalam orang-orang yang zalim.”

Doa diibaratkan ubat penyelamat yang cepat membantu Nabi Yunus a.s. Rahsia yang tersembunyi di dalam doa tersebut ialah dalam keadaan tiada ataupun yang mampu menyelamatkan dirinya, maka hanya Allah yang dapat memerintahkan ikan dan laut, malam dan langit agar tunduk kepada kehendak-Nya.

Sesungguhnya malam yang kelam dan laut yang bergemuruh serta ikan rasaksa itu bermusuhan menentang Nabi Yunus a.s. Hanya Allah jua yang dapat menguasai ketiga unsur itu. Nabi Yunus a.s. menyedari bahawa tiada siapa yang dapat menolongnya kecuali Tuhan sekalian alam, lalu beliau pun berdoa. Berkat doanya itu muncullah keajaiban. Malam yang gelap itu berubah menjadi terang, laut yang bergemuruh menjadi tenang dan ikan rasaksa menjadi jinak. Tuhan telah merubah perut ikan menjadi seolah-olah bagaikan sebuah ruangan yang nyaman. Laut yang bergelombang dasyat bagaikan gunung berapi meletus tak henti-henti kini berubah menjadi dataran yang tenang lagi menyenangkan. Langit kembali cerah. Bulan muncul dan menyinari bagaikan sebuah lampu. Setiap yang mengancam dari segala arah, kini memperlihatkan wajahnya yang ramah. Setelah itu, Nabi Yunus a.s. terdampar ke pantai dalam keadaan yang selamat. Beliau telah menyaksikan sendiri kebesaran rahmat Tuhan.

Situasi kita hari ini adalah seratus kali ganda lebih menggerunkan berbanding dengan apa yang dialami oleh Nabi Yunus a.s. Masa hadapan kita bagaikan malam yang kelam. Bila kita merenung masa hadapan kita, malam-malam akan nampak seratus kali ganda lebih kelam dan menakutkan dari malam yang dialami oleh Nabi Yunus a.s.. Oleh kita kita wajar mengikut jejak Nabi Yunus a.s. dengan menumpukan perhatian kita kepada Tuhan sekalian alam. Dan kita perlu berdoa:

“Tiada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau. Sesungguhnya aku termasuk ke dalam golongan orang-orang yang zalim”.

Kita perlu menyedari sepenuhnya bahawa hanya Allah yang dapat menyelamatkan kita dari sebarang bahaya. Masa hadapan akan tunduk kepada perintah Allah. Dunia akan taat kepada perintah-Nya. Bahkan seluruh jiwa akan merunduk bersama di bawah kehendak-Nya.

Siapa lagi yang paling layak disembah melainkan Pencipta langit dan bumi yang mengetahui setiap apa yang disembunyikan oleh pemikiran kita. Yang memberi rasa percaya kepada diri dan rasa aman dalam menghadapi masa hadapan. Selain Allah penguasa segala yang wujud, tiada sesuatu yang dapat memberi bantuan dan menyelamatkan kita melainkan dengan kehendak dan perintah-Nya.

Tuhan mengabulkan doa Nabi Yunus a.s. sehingga perut ikan rasaksa berubah menjadi semacam ruangan nyaman; laut menjadi dataran tenang dan malam terang disinari oleh bulan. Maka kita juga mesti mengucapkan doa:

“Tiada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau. Sesungguhnya akan termasuk ke dalam golongan orang-orang yang zalim.”

Dengan kalimah “ Laa ilaaha illa anta ” kita memohon perlindungan-Nya demi masa hadapan kita. Dengan ucapan “ Subhaa naka ” kita menariknya ke dunia kita dan dengan kalimah “ Inni kuntu minaz zaalimin ” kita menariknya ke dalam jiwa kita. Maka masa hadapan kita akan beroleh nur keyakinan Al-Qur’an. Rasa mencengkam dan menggerunkan dari malam-malam yang kelam akan berubah menjadi rasa riang dan tenang.

Akhirnya sesuai dengan kudrat Ilahi, manusia akan sangat menderita apabila mendengar ledakan yang amat dasyat di Hari Kiamat kelak. Kerana takutkan kuman kecil, maka dia juga akan takut kepada bintang yang muncul di antara benda-benda angkasa yang bertaburan di langit. Kerana dia sayang kepada rumahnya, maka dia akan mencintai dunia yang luas ini. Kerana cintakan kebunnya yang kecil, maka sudah tentu dia akan mncintai syurga yang kekal abadi. Tuhan pujaannya tempat ia berlindung. Allah Yang Maha Esa, tempat semua orang bergantung dalam kekuasaan-Nya. Atom dan planet, semuanya tunduk kepada-Nya. Manusia akan terus berdoa:

“Tiada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau. Sesungguhnya aku termasuk ke dalam golongan orang-orang yang zalim. Maha Suci Engkau. Tiada ilmu bagi kami selain yang Engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkau Maha Tahu Lagi Maha Bijaksana.”

3. MUSIBAH NABI AYUB A.S.

Doa Nabi Ayub a.s. sebagai manusia paling sabar dan tahan uji sememangnya sangat mujarab. Hendaklah kita mengamalkan doa Nabi Ayub a.s. dan sentiasa mengingati kalimah ini.

“Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Penyayang di antara semua penyayang.” (Surah al-Anbiya’ : 83).

Nabi Ayub a.s. sudah lama menderita. Lukanya parah dan darah selalu mengalir dari tubuhnya. Namun beliau tidak pernah lupa akan rahmat yang diperolehinya dari Allah sehingga sakit dan derita itu ditanggungnya dengan ketabahan yang luar biasa. Tetapi ulat-ulat itu mulai merebak pada lukanya dan bergerak menuju ke jantung serta lidahnya; dua pancaindera sebagai alat mengingati keagungan Tuhan Maha Pencipta. Oleh itu, timbullah kecemasan dalam diri Nabi Ayub a.s. sekiranya beliau tidak dapat lagi memuja Tuhan dengan lidahnya. Nabi Ayub a.s. mengucapkan doa bukan semata-mata untuk menghibur diri, tetapi untuk menyatakan kesyukurannya. Dengan suara perlahan beliau berdoa, “Ya Allah, bencana telah menimpaku dan aku hampir tidak boleh memuja Engkau samada dengan lidah mahupun dengan hati sanubariku.”¹

¹ Dan (ingatlah kisah) Ayub, ketika ia menyeru Tuhannya, “ (Ya Tuhanku), sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Penyayang di antara semua penyayang.” (Surah al-Anbiya’ : 83).

Allah Yang Maha Kuasa menerima doa yang murni dan ikhlas yang diucapkan dari hati sanubari yang menderita dan membalasnya dengan keajaiban. Nabi Ayub a.s. sembuh dari penyakitnya. Allah menganugerahinya kesehatan yang sempurna.

Dari kisah Nabi Ayub a.s., ada lima perkara yang perlu kita renungkan:

Pertama: Di samping berbagai macam luka dan penyakit jasmani seperti yang dideritai Nabi Ayub a.s., ada pula berbagai penyakit yang menimpa rohani. Jika jasmani dan rohani kita disiksa, maka penyakit yang menyerang kita dalah lebih berat dibandingkan dengan penyakit yang dideritai Nabi Ayub a.s. Setiap dosa yang kita lakukan dan setiap godaan yang merasuk hati akan membuat hati dan jiwa kita menderita.

Penyakit Nabi Ayub a.s. nyaris meragut hidupnya yang singkat di dunia fana ini. Tetapi penyakit batin yang kita deritai ini mengancam kita terus-menerus. Maka kita perlu mengucapkan doa di atas melebihi apa yang telah dilakukan oleh Nabi Ayub a.s.

Ulat-ulat yang keluar dari luka Nabi Ayub a.s. mauk ke dalam jantungnya lalu menuju ke lidahnya pula. Demikian pula luka kerana dosa dan cubaan yang lahir dari luka-luka batin itu akan menusuk hati kita menuju ke lubuk hati yang paling dalam. Akibatnya keyakinan akan diingkarinya. Ia juga akan memasuki daerah penting iaitu lidah yang mengucapkan keyakinan tersebut. Dosa dan godaan itulah yang menyebabkan Tuhan tidak pernah disebut, malah didiamkan.

Dosa yang menembus ke dalam jantung akan menggelapkan jantung dan mematikan cahaya keyakinan. Dalam setiap dosa ada jalur yang menuju kepada kekafiran. Jika dosa tidak segera dipadamkan dengan memohon ampun kepada Tuhan, maka ia akan tumbuh dari ulat menjadi ular yang menelan jantung.

Seseorang yang secara diam-diam melakukan dosa misalnya, akan merasa takut kepada akibatnya jika dosanya itu diketahui orang. Oleh itu, sebagai akibatnya, berat

baginya mengakui kewujudan malaikat. Dia akan tetap menyangkalnya sekalipun pendapatnya itu sukar dipertahankan.

Begitu pula dengan orang yang melakukan dosa besar yang layak mendapat seksa neraka. Dia akan tetap berusaha untuk menyangkal adanya neraka. Dia akan tetap berusaha mengingkarinya dengan bukti sekecil apapun, melainkan jika ia berubah, mahu bertaubat dan memohon ampun.

Begitu pula orang yang tidak mendirikan sembahyang wajib. Dia menunaikan tugasnya sebagai seorang Islam dengan perasaan berat dan susah. Dia malas melakukan kewajipan itu walaupun berulang kali diperintahkan oleh Tuhan. Hal ini sangat mengganggu fikirannya sehingga dia teringin berkata kepada dirinya sendiri, “Andaikata tidak ada kewajipan sembahyang..!”. Biasanya, dari keinginan ini akan timbul hasrat menyangkal adanya Tuhan, dan diapun menyimpan benih permusuhan terhadap Tuhan. Jika ada sedikit sahaja keraguan menyelinap ke dalam kalbunya tentang Yang Maha kuasa, dia akan memegang erat keraguan itu sebagai bukti nyata. Dan di hadapannya akan terbuka pintu gerbang yang luas menuju kehancuran. Si pemalas malang itu tidak tahu bahawa meskipun dia sudah bebas dari tugas sembahyang kerana keingkarannya, namun sikap iu telah menjadikan dirinya sasaran bermacam-macam kesusahan yang jauh lebih berat. Dia lari dari gigitan nyamuk untuk menjadi mangsa gigitan ular.

Ada banyak contoh lain yang boleh menambah pengertian ketiga contoh ini, sehingga ayat berikut menerangkan ertinya:

“Sebenarnya apa yang selalu mereka usahakan itu menutup hati mereka.” (Surah al-Mutaffifin:14).

Kedua: Sepeti yang telah dikemukakan mengenai maksud nasib dan agama dalam “Kata Kedua Puluh Enam”, manusia tidak mempunyai alasan untuk mengeluh terhadap musibah dan ujian yang menimpa mereka. Ada tiga sebab mengenainya:

Sebab pertama: Tuhan Yang Maha Esa telah mencipta pakaian yang menutupi tubuh manusia sesuai dengan keindahan-Nya.

Dengan berkat Allah maka manusia menjadi model yang dapat diukur, dibuatnya bermacam potongan dan diubahnya pakaian tubuh itu sehingga nama-Nya sebagai Pencipta dipamerkan dalam berbagai cara. Kerana Allah mempunyai nama Maha Penyembuh, maka tentu ada penyakit yang mengimbanginya. Demikian pula nama-Nya sebagai Maha Pemberi, mengisyaratkan ada kelaparan yang perlu dilayani oleh Yang Maha Pemberi.

Sebab kedua: Apabila musibah dan penyakit silih berganti, maka kehidupan akan menjadi lebih baik, sempurna, kuat, maju dan akan menuju ke arah pencapaian tujuan. Kehidupan yang sentiasa bergolek di atas tilam kenikmatan akan menimbulkan kejemuhan dan tidak mencerminkan kebaikan yang mutlak. Malah ia menggambarkan keburukan yang mutlak.

Sebab ketiga: Dunia ini merupakan tempat ujian dan membuat jasa. Bukan tempat untuk bertemasya atau mengejar keseronokan serta keuntungan. Oleh itu, jika dunia ini merupakan tempat berbakti dan memuji Tuhan, maka penyakit dan musibah semestinya tidak menggoyahkan keyakinan kerana dilawan dengan ketabahan yang sepadan dengan bakti dan pujian yang kita sanjungkan. Malah ia sudah tentu lebih memperkuatkan keyakinan tersebut. Dan oleh kerana satu jam pujian sama nilainya dengan sehari membuat pahala, maka manusia harus bersyukur dan tidak mengeluh.

Puji-pujian terdiri dari dua faktor iaitu positif dan negatif. Apa yang dimaksudkan dengan pujian positif adalah nyata. Manakala pujian negatif ialah bilamana seseorang itu ditimpa kemalangan atau penyakit, lalu merasakan kedaifan dan kelemahannya.

Kemudian dia menghadap kepada Tuhan Yang Maha Pemurah mencari perlindungan-Nya dengan bertafakur dan berdoa. Pujian yang demikian adalah murni dan tidak dapat ditembus oleh kemunafikan. Ia bertahan dengan tabah, menumpukan fikiran hanya kepada pahala yang mengimbangi kemalangan dan bersyukur. Setiap sejam dia mengerjakannya akan dinilai sama seperti sehari memuji Tuhan. Hidupnya yang singkat akan menjadi panjang. Malah ada kejadian-kejadian di maan seminit dinilai sama dengan sembahyang sehari suntuk.

Pada suatu ketika saya sangat gelisah kerana seorang saudara saya Muhajir Hafiz Ahmad, diserang oleh penyakit yang amat membimbangkan. Tetapi hati saya memperolehi isyarat, "Sampaikan ucapan selamat kepadanya!" Setiap minit dihitung setimpal dengan sembahyang sehari suntuk. Saudara saya itu memang sangat sabar dan tabah dalam menanggung kesakitannya.

Ketiga: Seperti yang telah dikemukakan di atas, setiap kali seseorang mengingati masa lampainya dia akan berkata, " ah..." atau "oh..." Bermaksud dia mengucapkan kata-kata kesal atau menyatakan rasa " syukur alhamdulillah.." Kekesalan lahir disebabkan sakit akibat terhentinya kenikmatan. Sememangnya apabila kenikmatan terhenti, ia akan menimbulkan rasa sakit. Malah kehilangan nikmat akan lebih cepat menimbulkan rasa sakit yang terus-menerus. Memikirkan rasa sakit yang sedemikian adalah ibarat menusuk sebuah luka yang membuat kita kian kesal.

Kenikmatan rohani yang kekal akan timbul dengan hilangnya rasa sakit yang dideritai pada masa lampau. Kenikmatan tersebut akan memberikan ilham kepada manusia untuk mengucapkan rasa " syukur alhamdulillah ". Demikianlah manusia; yang cenderung untuk bersyukur dan berfikir bahawa dia akan memperoleh ganjaran kerana penderitaannya itu pada hari kiamat kelak. Semua itu akan menyedarkannya bahawa hidup yang tidak kekal di dunia ini akan berubah menjadi kekal di alam baka. Sesungguhnya manusia harus berterima kasih kepada Tuhan, bukan sekadar bersabar di hati sahaja! Manusia harus mengucapkan " alhamdulillah " agar dijauhkan dari kekafiran dan kesesatan.

Sesetengah orang berkata bahawa pengalaman ditimpa kemalangan terasa amat lama. Ini benar bukan kerana kemalangan itu menimbulkan kesedihan seperti yang disangkakan tetapi kerana kemalangan boleh membawa ke arah kehidupan yang kekal.

Keempat: Seperti yang dikatakan di atas, kekuatan dan ketabahan manusia yang dikurniakan Allah Taala dapat mengatasi setiap malapetaka melainkan jika dia mensia-siakan daya tahannya itu dengan semena-mena. Kerana daya khayal manusia itu amat tinggi dan dia suka mengabaikan segala sesuatu serta membayangkan hidupnya kekal, maka manusia itu suka mensia-siakan daya tahannya samda pada masa lalu mahupun pada masa hadapan.

Ketabahnya menjadi tidak seimbang dengan malapetaka yang dihadapinya kini. Kerana itu dia kemudiannya mengeluh. Dia mengeluh kepada Tuhan Yang Maha Kuasa – na’uzubillah; dengan cara yang tidak adil dan tidak masuk akal. Keluhannya menunjukkan bahawa dia tidak mempunyai kesabaran.

Jika masa silam itu mengandungi kemalangan dan penderitaan itu telah ditempuhi, maka dia akan merasa tenang. Rasa sakit telah lenyap dan kini bahagia yang dikecapi. Kemelut sudah berlalu dan yang tinggal adalah kenangan. Oleh itu jangan mengeluh tetapi ucapkanlah kesyukuran. Manusia hendaklah tidak marah apabila ditimpa malapetaka malah ia harus menyukainya. Kehidupan yang tidak kekal di masa lalu akan menjadi kehidupan yang kekal dan penuh keberkatan. Adalah tidak masuk akal untuk memperbesar-besarkan penderitaan yang lampau dan mensia-siakan kesabaran diri!

Adalah sangat bodoh memikirkan malapetaka di masa hadapan dan menampakkan ketidaksabaran terhadap bencana itu, kerana semua ini masih kabur. Sia-sia sahaja bila seseorang berkata kepada dirinya sendiri, “ Esok atau lusa saya akan menderitapar dan dahaga. Jadi sekarang saya akan makan dan minum sebanyak yang mungkin!” Begitu pula tidak masuk akal bila memikirkan berbagai bencana dan penderitaan yang bakal menimpa kita di masa hadapan, walhal bencana itu belum wujud.

Bersiap sedia menanggung derita dan menunjukkan keresahan hanya memperlihatkan ketidaksabaran dan kebodohan.

Ringkasnya, jika dengan sikap berterima kasih di atas pemberian Tuhan akan bertambah mulia, maka sebaliknya setiap keluhan akan memperbesarkan mala petaka dan menghilangkan kesempatan bagi orang lain menunjukkan rasa sedih dan kasihan.

Dalam tahun pertama Perang Dunia Yang Pertama ada orang di Erzurum yang menderita sejenis penyakit yang menggerunkan. Saya mengunjungi orang tersebut dan dia mengeluh dengan amat getir.., “ Saya tak dapat meletakkan kepala di atas bantal dan tidur selama seratus hari..”

Saya merasa sedih dan kasihan padanya. Tiba-tiba muncul di benak fikiran saya, “ Saudaraku! Seratus hari kesusahan yang membuatmu tak boleh tidur, kini menjadi seratus hari kegembiraan. Jangan mengeluh. Lebih baik menerimanya dengan rasa syukur. Mengenai masa hadapanmu yang belum tiba, serahkan sahaja kepada Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang! Jangan engkau menangis sebelum engkau dipukul. Jangan takut kepada yang tidak wujud. Jangan membayangkan yang tidak ada seolah-olah ada. Kerahkan seluruh tenaga untuk menghadapi masa kini dan ingatlah bahawa di hari kemudian engkau akan mendapat ganjaran daripada Tuhan. Ingatlah bahawa hidupmu yang tidak kekal itu akan diganti menjadi kehidupan yang kekal abadi. Jangan mengeluh tetapi bersyukurlah.”

Sejenak kemudian, hilanglah rasa sesak di dada orang tersebut, lalu dia berkata, “Syukur alhamdulillah, sakit yang saya deritai ini hanya sepersepuluh penderitaan masa lampau.”

Kelima: Terdiri dari tiga perkara.

Perkara pertama: kemalangan yang benar-benar merosakkan ialah yang berkaitan dengan agama. Manusia harus selalu mencari perlindungan Tuhan dari musibah dalam soal agama dan memohon bantuan kepada-Nya.

Musibah yang tidak berkaitan dengan agama bukanlah malapetaka. Malah kadang-kadang musibah itu merupakan peringatan Ilahi. Apabila seseorang melemparkan batu ke arah biri-biri yang mencero boh masuk ke daerah pengembalaan orang lain, maka biri-biri itu faham bahawa batu itu dimaksudkan sebagai peringatan untuk menyelamatkan mereka dari tindakan yang membahayakan. Biri-biri itu dengan rasa berterima kasih akan berpatah balik. Demikianlah, banyak musibah yang jelas merupakan peringatan Ilahi. Selain itu ia merupakan penebus dosa dan mengingatkan orang bahawa dia hanya seorang manusia dan tidak mempunyai daya dan upaya lebih dari itu.

Kesakitan juga bukanlah merupakan satu malapetaka seperti yang kita katakan di atas. Ia adalah petanda dari Tuhan dan merupakan suatu cara untuk melakukan penyempurnaan. Biasanya, orang berkata bahawa sebatang pokok jika digoyang-goyangkan akan menjatuhkan buah-buahannya yang masak. Dosa-dosa pun akan jatuh seperti buah-buahan itu apabila badan kita tergoncang oleh demam.

Nabi Ayub a.s. dalam doanya tidak memohon untuk kepentingan jiwanya. Beliau lebih banyak mencari ubat bagi penyakit lidah dan hatinya yang menghalanginya dari memuji Tuhan. Perlu ditegaskan di sini bahawa tujuan utama kita ketika berdoa ialah untuk penyembuhan lahir batin dari penyakit-penyakit yang disebabkan oleh dosa dan alpa. Jika penyakit itu hanya menimpa badan kita, maka kita boleh melindungi diri darinya dengan memuji Tuhan. Tetapi kita harus melakukan hal itu dengan rendah diri dan tidak dengan cara mengeluh.

Jika kita menerima Tuhan sebagai Pencipta kita, maka kita harus menerima segala yang diberikan-Nya kepada kita. Mengeluh atau bersungut yang menandakan penyesalan terhadap nasib kita adalah semacam gugatan yang ditujukan kepada rahmat Allah. Barang siapa menuduh Tuhan tidak berkuasa, nescaya dia akan dibiarkan merana. Barang siapa ingin membalas dendam dengan menggunakan tangan yang patah, dia hanya akan mengalami kesakitan yang lebih parah dari tangannya. Demikian pula bila seseorang itu

ditimpa musibah lalu dia mengeluh dan kesal kepada nasib dirinya, orang itu hanya melipatgandakan musibahnya!

Perkara kedua: Kemalangan yang menimpa badan akan membesar sebagaimana yang terlihat dan ianya akan mengecil bilamana dilihatnya kemalangan itu kecil.

Misalnya orang yang bermimpi di malam hari dan sentiasa merenungkan kembali mimpi tersebut, maka ia akan membesar. Sebaliknya, jika dia tidak mengendahnya, maka ia akan hilang. Begitu pula jika kita cuba menangkis sekawan lebah yang sedang menyerang, maka lebah itu akan menjadi lebih ganas. Padahal jika kita tidak menghiraukannya mereka akan bersurai dengan sendiri. Oleh itu, jika kita memandang penderitaan badaniah sebagai suatu perkara yang besar, maka ia akan membengkak dan kerana kita terlampau kluatir, maka ia akan menembus ke dalam hati sanubari.

Akibatnya, akan timbul kesusahan dalam diri dan penderitaan itu akan menjadi kekal. Tetapi jika kebimbangan itu hilang kerana manusia pasrah kepada Tuhan, nescaya penderitaan itu akan mengecil dan menghilang. Tak ubah seperti sebatang pokok yang baru sahaja ditebang sampai ke akar-akarnya.

Saya mengubah baik-baik berikut untuk menerangkan yang hak:

Wahai engkau yang malang! Hentikan ratapanmu,

Pasrahkan dirimu kepada Tuhan tempatmu berlindung.

Meratap itu sia-sia, hanya menambah sengsara,

Dan azab menanti di liang kubur.

Keluarlah dari sana, temuilah Yang Maha Pencipta,

Ratapmu pasti berubah; padang hijau akan merasai kesegaran.

Namun, jika engkau gagal menemui-Nya

Dunia bakal jadi bayangan yang kelim tiada tara.

Engkau yang menderita dan mencari perlindungan kepada Allah,

Senyumlah menghadapi kesukaran,

Kesengsaraan akan menjelma menjadi senyuman.

Cuba sahaja, seandainya dalam suatu perlawanan satu lawan satu, yang seorang tersenyum kepada yang lainnya, nescaya permusuhan itu akan berubah menjadi perdamaian. Demikian pula seandainya kita menghadapi bencana dengan sikap menyerah kepada Allah Taala, maka hasilnya adalah kedamaian dalam jiwa.

Perkara ketiga: Setiap zaman mempunyai ciri-ciri khas. Pada zaman ini ramai orang lupa bahwa malapetaka telah berubah bentuk. Pada masa tertentu dan bagi orang-orang yang tertentu, kemalangan bukan lagi merupakan malapetaka tetapi lebih kepada kurniaan Ilahi. Oleh itu, mereka yang terkena musibah dewasa ini adalah orang-orang yang beruntung, asalkan musibah itu tidak mempengaruhi agamanya. Jika tidak perlu lagi menentang musibah atau menaruh belas kasihan kepada mereka yang terkena.

Seringkali saya menemui anak-anak muda yang terkena musibah. Ternyata mereka justeru lebih baik jika dibandingkan teman-teman sebaya mereka dalam memikirkan kewajipan agama dan hari kemudian. Maka saya membuat kesimpulan bahawa sakit bukan merupakan musibah bagi orang-orang tertentu. Malah ia merupakan anugerah Tuhan. Sememangnya penyakit adalah suatu kesusahan dalam dunia yang fana ini, namun ianya bermanfaat bagi kehidupannya di alam baka kelak. Anggaplah ia sebagai satu bentuk pujian. Apabila manusia berada dalam keadaan sihat wal'afiat, dia tidak dapat mempertahankan serta menikmatinya. Dia lebih cenderung untuk terus membazirkan tenaganya kerana merasa dirinya masih muda perkasa.

Kesimpulannya Allah Yang Maha Kuasa telah menunjukkan kepada manusia betapa lemahnya ia dan betapa sangat tergantungnya ia kepada-Nya. Oleh kerana itu, Allah memperlihatkan kekuasaan dan rahmat-Nya. Allah telah menciptakan manusia seperti mesin dan akan memberikan reaksi jika dialaminya rasa sakit atau gembira walau dari manapun datangnya hal itu. Tuhan telah menempatkan beratus-ratus alat dalam badan manusia dan untuk setiap alat Dia menentukan pelbagai macam kegunaan dan kepentingannya.

Nama-nama Ilahi itu semuanya rata-rata jelas dalam makro anthropos yang bernama dunia, mahupun mikro kosmos yang bernama manusia. Kesehatan yang sempurna, rasa segar dan nikmat semua itu diperolehi oleh manusia sebagai isyarat bahawa dia mesti bersyukur kepada Allah dan menunaikan kewajipannya.

Selaput yang membalut kelemahan dan kemiskinan yang menjadi sifat manusia itu amat halus sekali. Bukan lidah sahaja tetapi anggota-anggota badan yang lain juga memerlukan perlindungan dan bantuan. Oleh itu, manusia bagaikan sebuah pena yang besar yang mengisi ribuan pena yang lainnya. Kewujudannya adalah untuk menuliskan pada halaman kehidupannya dan mencantumkan suatu pengakuan akan nama-nama Ilahi, dan manusia sendiri yang menjadi sebuah puisi yang memuja kemuliaan Tuhan. Dengan demikian dia telah memenuhi tujuan penciptaannya di dunia ini.

4. PERCAYA KEPADA MANUSIA

“Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman, diri dan harta benda mereka dengan memberikan syurga untuk mereka.” (Surah at-Taubah: 111).

Tahukah engkau betapa banyak keuntungan yang engkau perolehi jika engkau mahu menjual jiwa dan hartamu kepada Allah, dan betapa mulianya menjadi hamba Allah dan tentera-Nya?

Ikutilah kisah di bawah ini.

Ada seorang raja mempercayakan kepada dua hambanya; masing-masing sebidang tanah lengkap dengan peralatannya iaitu kuda dan senjata. Ketika itu sering berlaku pertempuran dan keamanan langsung tidak terjamin.

Raja yang murah hati itu kemudiannya mengutus seorang utusan untuk menyampaikan pasannya kepada kedua hambanya. Pesan tersebut berbunyi:

“Juallah harta yang diserahkan kepadamu itu kepada beta supaya dapat beta menjaganya untukmu. Jangan biarkan harta itu musnah tanpa manfaat. Apabila perang telah berakhir, beta akan kembalikan harta tersebut dalam keadaan yang lebih baik lagi. Beta akan menganggap harta dan tanah yang diserahkan itu sebagai milik beta sendiri dan beta akan membayarnya dengan harga yang tinggi . Peralatan yang ada akan dipakai atas nama beta dan digunakan di bengkel beta. Sewanya akan beta naikkan seribu kali ganda. Kamu akan menerima segala keuntungannya.

Kamu miskin kerana tidak mempunyai hasil. Sehingga tidak mungkin dapat bagimu untuk menyediakan kos perbelanjaan tugas yang besar ini. Oleh itu, biarlah beta menanggung semua kos tersebut dan sekali lagi beta akan memberikan semua keuntungannya kepadamu. Kamu boleh menyimpannya sehingga keadaan aman semula.

Lihatlah betapa mudahnya kamu akan mendapat keuntungan. Tapi kalau kamu tidak menjual harta itu kepada beta, kamu akan lihat tidak seorang pun yang dapat mempertahankan apa yang dimilikinya. Dan kamu pun akan kehilangan apa yang kamu simpan selama ini. Semuanya akan hilang musnah dan kamu akan kehilangan harga tawaran beta yang paling tinggi ini. Peralatan berharga yang kamu miliki dan barang kemas yang menunggu masa untuk dipakai, semua nilai itu akan merosot. Kamu akan sibuk mengurus dan menjaga hartamu. Selain itu kamu juga akan mendapat hukuman kerana tidak menghargai kepercayaan orang. Lihatlah betapa banyak cara yang boleh membuatkan kamu ditimpa kerugian. Tambahan pula, kalau kamu mahu menjual hartamu kepada beta, kamu akan menjadi tentera beta dan kamu akan berjuang atas nama beta. Dengan demikian, kamu bukan lagi tentera biasa malah kamu adalah perwira raja agung yang dihormati.”

Setelah mendengar pesanan tersebut, yang cerdik di antara kedua hamba itu berkata, “Saya dengan senang hati akan menjual harta saya. Saya mengucapkan banyak terima kasih.”

Tetapi orang yang kedua mempunyai watak sombong, egois dan angkuh seperti Firaun, Raja Mesir. Dia mahu bertahan selama-lamanya di atas tanahnya. Ia tidak menghiraukan pesanan raja. Katanya, “Tidak! Siapa raja itu? Saya tidak mahu menjual hartaku. Saya tidak mahu merosakkan kenikmatanku.”

Dalam masa yang singkat, orang yang pertama telah mencapai kedudukan yang mulia sehingga semua orang teringin mencapai kedudukannya. Ia dianugerahi oleh raja dengan pelbagai hadiah. Sebaliknya orang yang kedua jatuh kedudukannya. Orang lain merasa kasihan kepadanya. Akan tetapi mereka berpendapat sudah selayaknya jika dia menderita kerana kesalahannya sendiri. Harta bendanya musnah dan ia terseksa lahir batin.

Wahai engkau manusia yang banyak tingkah! Pandanglah wajah kebenaran lewat kiasan ini. Raja tersebut adalah Tuhanmu Yang Maha Pencipta. Tanah dan harta serta

peralatan di atas adalah segala yang kamu miliki di dunia ini seperti badan, jiwa, hati, anggota bdana dan seluruh pancaindera. Utusan yang mulia itu adalah Rasul Allah sedang pesanan itu adalah Al-Quran yang mneghuraikan perihal perniagaan tersebut sebagai berikut:

“ Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman, diri dan harta benda mereka dengan memberikan syurga kepada mereka.” (Surah at-Taubah: 111)

Medan pertempuran dalam kiasan di atas adalah bumi yang sentiasa di alnda badai sehingga manusia akan berfikir, “ Segalanya akan terlpas dari tangan kita dan binasa. Tidak adakah cara untuk mengubahnya sehingga menjadi kekal buat dipelihara? “ Bilamana tenggelam dalam fikiran dan angan-angan semacam ini, tiba-tiba terdengar suara Al-Quran, “ Sesungguhnya ada jalan yang indah lagi mudah serta mengandungi lima keuntungan.” Jalan apakah itu?

Kembalikan harta yang diterima itu kepada pemiliknya, nescaya keuntungannya akan berlipat ganda!

Keuntungan pertama: Milik sementara menjadi kekal. Hidup yang tidak kekal ini bila diserahkan kepada Tuhan Yang Maha Kuasa akan dipergunakan untuk menjunjung nama-Nya dan menjadi kekal abadi. Ia akan menghasilkan buah abadi. Saat-saat kehidupan seseorang itu akan menghilang atau seperti benih yang membusuk, kemudian akan merekah kuntum kesucian yang akan bersemi dalam kerajaan abadi.

Keuntungan kedua: Sebagai balasan ia diberikan syurga yang penuh dengan kenikmatan.

Keuntungan ketiga: Nilai setiap anggota dan indera berlipat ganda seribu kali. Misalnya kecerdasan. Jika kamu tidak menjualnya kepada Tuhan Yang Maha Kuasa dan

hanya mempergunakannya untuk kepentingan diri sendiri, maka ia menjadi alat yang membahayakan dan melemahkan tenaga sehingga membebani dirimu dengan pengalaman dan kenangan pahit masa lalu dan akan merasa cemas terhadap masa hadapan yang menggerunkan. Sebagai alat, nilainya akan merosot kerana rosak dan tidak berharga lagi. Oleh itu, manusia yang bergelumang dengan dosa sering mencari “keselamatannya” dengan minuman keras dan mengumbar nafsu kerana melarikan diri dari penyakit yang dideritai oleh kecerdasannya. Sebaliknya jika kamu menjual kecerdasanmu itu kepada Pemiliknya yang sah dan menggunakannya demi Allah Taala, maka kecerdasan itu menjadi kunci yang membuka khazanah harta kebijaksanaan dan kearifan.

Contoh lain ialah deria mata. Ia seumpama tingkap yang melalui jiwa untuk memandang ke luar rumah. Jika kamu tidak menjualnya kepada Tuhan Yang Maha Kuasa tapi hanya memakainya untuk kepentingan peribadi sahaja iaitu memandang sejempit kecantikan serta pemandangan lain yang sementara lagi fana, maka nilai mata itu merosot hingga ke tahap yang paling rendah. Itulah jiwa yang gemar akan berahi dan nafsu shahwat semata-mata. Jika kamu menjual mata itu kepada Yang Maha Pencipta dan menggunakannya demi Dia dalam batas-batas yang ditentukan-Nya, maka nilai mata tersebut akan naik ke tingkat orang yang mengaji kitab suci dan menjadi saksi bagi keajaiban hidup ciptaan Tuhan.

Contoh lain ialah lidah iaitu deria rasa. Jika kamu tidak menjualnya kepada Allah Taala yang menjadikan kamu dan malah kamu memakainya untuk kepentingan perutmu sahaja, maka nilai lidah itu akan merosot ke tingkat penjaga pintu perut. Namun jika kamu menjualnya kepada Tuhan Yang Maha Pencipta, maka deria perasa itu akan naik ke tingkat pengawas yang terampil di dalam dapur kekuasaan Tuhan Yang Maha Kekal.

Wahai kecerdasan! Perhatikanlah baik-baik. Ada perbezaan antara akal yang menjadi penjaga pintu perut dengan akal yang menjaga harta Allah Yang Maha Pemurah!

Pertimbangkanlah semua ini. Nescaya kamu akan mengerti bahawa orang yang salih mempunyai akhlak yang layak memasukkannya ke dalam syurga, manakala orang kafir layak mendapat tempat di neraka. Mengapa demikian? Sebab orang beriman menyakini Yang Maha Pencipta serta menyembah-Nya, sedang si kafir mengkhianati kepercayaan itu dan menggunakannya untuk kepentingan nafsunya.

Keuntungan keempat: Manusia itu lemah, daif dan sering menghadapi penyakit dan musibah. Manusia itu hina lagi papa walhal keperluannya sangat banyak. Beban hidup berat dipikulnya. Jika ia ingkar kepada Tuhan Yang Maha Kuasa dan tidak percaya kepada-Nya, maka hati nuraninya akan selalu digoda. Seksaan batin sesal dan aniaya akan sentiasa mencengkamnya dan meracuni jiwanya atau membuatnya berubah menjadi manusia jahat.

Keuntungan kelima: Mereka yang berpengetahuan luas dan terbuka baginya rahsia alam serta mereka yang dikurniai Tuhan melihat terhamparnya yang hak, mereka semua berpendapat bahawa ganjaran ke atas puji syukur kepada Tuhan yang dilakukan oleh makhluk Allah akan diberikan kepadamu pada waktu kamu sangat memerlukannya iaitu berupa syurga yang kenikmatannya tiada bandingan.

Jika kamu menolak keuntungan lima kali ganda ini, nescaya pahala dan keuntungan tersebut akan hilang darimu dan kamu akan menderita kerugian lima kali ganda pula seperti berikut:

Kerugian pertama: Harta dan anak keturunan yang sangat kamu dambakan, jiwa dan aksinya yang kamu puja, usia muda dan kehidupan yang memabukkanmu, semua itu akan lenyap dan musnah. Tanganmu akan kosong. Yang tinggal hanyalah kesankesannya yang berupa penyakit dan dosa yang mesti kamu pikul terus-menerus.

Kerugian kedua: Kamu akan merasakan hukuman kerana mengkhianati kepercayaan atau amanah.

Kerugian ketiga: Kamu telah merugikan diri sendir kerana telah memakai peralatan paling mahal untuk perkara-perkara yang tak beerti.

Kerugian keempat: Oleh kerana kamu meremehkan semua kemampuan manusia sampai ke tingkat yang paling rendah dari binatang, maka sebenarnya kamu telah melanggar dan menghina kebijaksanaan Tuhan.

Kerugian kelima: Kamu telah memberi pakaian kumal sebagai ganti semua hadiah yang tak ternilai dari Yang Maha Kuasa seperti kecerdasan, jantung, hati, mata dan lidah. Hadiah ini dianugerahkan kepadamu supaya kamu mempersiapkan kehidupan yang kekal dan bahagia di hari kemudian. Tapi kerana usahamu itu sia-sia, maka layaklah pintu neraka yang terbuka menunggumu.

Oleh itu, sukarkah menjual harta itu? Begitu beratkah ia sehingga ramai orang takut menjualnya? Hal ini sama sekali tidak berat atau memberatkan! Kerana apa yang boleh ditanggung oleh manusia adalah begitu banyak dan sesuai dengan kemampuannya. Tidak perlu melanggar batasannya. Apa yang diwajibkan oleh Tuhan adalah begitu ringan dan tidak banyak jumlahnya. Adalah suatu kehormatan yang menggembirakan hati apabila kita menjadi hamba Allah dan tentera-Nya yang memberi serta mengambil atas nama-Nya juga. Bergerak dengan izin Allah dan berhenti apabila diperintahkan-Nya. Kalau kita membuat kesalahan mintalah keampunan dari Tuhan dengan berdoa, "Ya Tuhan, ampunilah segala kesalahan kami dan terimalah kami sebagai hamba-Mu. Berilah kami keyakinan terhadap-Mu sampai datang hari perhitungan. Amin."

5. BUKTI-BUKTI KEBANGKITAN

(Suatu bab tentang kurniaan Allah ke atas kehidupan dan kematian, tentang kewujudan nama Yang Maha Hidup dan Yang Maha Menguasai hidup dan mati)

Apakah mungkin bahawa Tuhan yang memberi kehidupan kepada bumi yang gersang ini yang menunjukkan kekuasaan-Nya, dan makhluk yang sama uniknya seperti manusia yang dengan penyebaran ini membuktikan pengetahuan-Nya yang teramat luas kerana Dia yang menciptakan keseragaman dan perbezaan dalam bentuk yang menunjukkan kecemerlangan-Nya dalam mengatur segala ciptaan-Nya agar saling membantu dan bergerak menurut perintah dan kehendak-Nya iaitu bekerjasama dan berbakti mengabdikan kepada-Nya. Dia yang menunjukkan kepada manusia bahawa manusia adalah ciptaan yang paling sempurna, paling berharga dan paling cerdas sehingga membuatkan makhluk lain tunduk kepadanya. Apakah mungkin bahawa Zat yang begitu Perkasa Lagi Maha Pencipta tidak mampu membuat kebangkitan? Tidak dapat mengumpulkan semula ciptaan-Nya? Tidak boleh menghidupkan kembali manusia? Tidak sanggup mengadakan Mahkamah Agung? Tidak dapat menciptakan syurga dan neraka? Sungguh jawapan ke atas semua pertanyaan itu adalah mustahil!

Sesungguhnya selama berabad-abad Yang Maha Kuasa dan Yang Maha Mengatur kehidupan dunia ini telah menunjukkan berbagai tanda, contoh dan petunjuk di permukaan bumi ini bahawa kelak pada suatu waktu semua makhluk akan berkumpul di Padang Mahsyar dan dibangkitkan di alam barzakh.

Kita akan melihat semua makhluk berkumpul di Padang Mahsyar setiap saat. Dalam lima atau enam hari sahaja akan datang lebih dari tiga ratus ribu jenis binatang dan tanaman yang dikumpulkan semula lalu disebar. Akar pokok dan semak-semak serta pelbagai jenis binatang dihidupkan dan dikembalikan seperti keadaan asalnya. Binatang lain diciptakan berulang dalam bentuk luarnya hampir menyerupai yang lama atau menjadi lain dari yang dahulu, dalam tempoh enam hari atau enam minggu sahaja. Mereka dihidupkan kembali dalam jangkawaktu yang luar biasa cepatnya secara teratur

dan terancang. Dapatkah Tuhan melakukan semua itu? Atau barangkali ada yang tidak dapat dilakukan oleh-Nya? Atau mustahilkah bagi-Nya menciptakan langit dan bumi dalam waktu enam hari sahaja? Mungkinkah Dia tidak mampu membangkitkan manusia dengan sekali kejutan sahaja? Jawabannya adalah mustahil! Mustahil perkara itu tidak dapat dilakukan-Nya!

Andaikata ada seorang pengarang yang berbakat yang dalam waktu satu jam sahaja dapat menulis tiga ratus ribu pucuk surat secara sempurna tanpa kesalahan atau alpa sedikitpun. Andaikata ada orang yang berani mengatakan bahawa pengarang itu dapat menuliskan kembali secara hafalan, dalam satu minit sahaja, suatu ayat dari bukunya yang terjatuh dan hanyut dalam sungai. Apakah anda akan mengatakan hal itu mustahil dan anda meragui kesanggupannya? Atau bayangkan ada seorang raja yang perkasa yang menunjukkan kekuasaannya dengan memberi perintah agar gunung-ganang dipindahkan atau meratakan istananya atau mengubah lautan menjadi daratan. Tiba-tiba anda melihat sebuah batu besar berguling menuruni lembah menghalangi jalan para tamu yang akan menghadiri kenduri raja.

Jika ada orang mengatakan kepada anda bahawa raja yang berkuasa akan memindahkan batu besar itu dengan hanya satu perintah kerana dia tidak akan membiarkan tetamunya terbiar, apakah anda berani mengatakan bahawa dia tidak akan mampu memindahkan batu itu? Atau jika ada seorang pemimpin pada suatu hari harus mengerahkan barisan tentera yang besar jumlahnya dengan sekali tiupan trumpet sahaja, padahal tentera tersebut baru sahaja bersurai. Apakah anda akan meragui bahawa tentera dapat disusun kembali dengan penuh disiplin? Kalau anda berkata, “Saya tak percaya!” maka anda belum memahami hakikat kekuasaan Allah Taala.

Setelah anda mengerti perumpamaan-perumpamaan di atas pandanglah persekitaran anda dan saksikanlah betapa Yang Maha Kuasa telah menukar pemandangan serba putih (musim sejuk) dengan pemandangan serba hijau (musim bunga). Dia menulis di atas halaman permukaan bumi yang dihuni lebih dari 300 ribu jenis makhluk dengan pena “nasib baik” dan “nasib malang”. Yang satu tidak mengganggu yang lain.

Dia menulis semua itu dengan teliti, satu terpisah dari yang lain. Tidak ada yang membingungkan dan tidak ada sebarang kesalahan dalam penulisan. Yang Maha Tahu, Dia-lah yang memasukkan jiwa ke dalam benih pohon besar yang berbentuk kecil. Jika demikian kekuasaan Allah Taala, adakah layak kita bertanya bagaimana Dia menyimpan roh mereka yang mati? Dia yang Maha Kuasa menyebabkan bumi berpusing bagaikan sebuah batu kerikil diikat tali. Oleh itu, layakkah kita bertanya bagaimana Dia menjauhkan bumi untuk memudahkan jalan tetamu-Nya yang datang menghadap-Nya di hari kemudian?

Dia Yang Maha Terpuji mendaftar kembali makhluk-makhluk dalam askar-Nya dengan arahan dan disiplin yang tinggi. Maka patutkah kita bertanya bagaimana Dia sanggup membuat makhluk-makhluk itu tunduk menurut disiplin-Nya? Bagaimana Dia dapat mengumpulkan anggota-anggota tubuh sehingga dapat bergerak seperti jutaan askar dalam satu barisan?

“Jadilah! Maka jadilah ia!” (Kalimah ini muncul tujuh kali dalam Al-Quran)

Anda dapat melihat dengan mata kepala sendiri pola-pola yang dibuat-Nya menjadi tanda, tamsil dan bukti kebangkitan. Tanda- tanda itu ditempatkan pada saat-saat peralihan zaman dan waktu iaitu pada siang dan malam, di kala langit berawan atau mendung. Jika anda membayangkan diri hidup seribu tahun yang lalu, dan membandingkan zaman yang lampau itu dengan zaman akan datang, nescaya anda akan melihat perumpamaan Padang Mahsyar dan alam barzakh itu sebanyak jumlah abad dan hari. Maka andaikata setelah itu anda menganggap kebangkitan badaniah merupakan hal yang mustahil, ketahuilah bahawa anda belum menghayati falsafah kebenaran.

Perhatikan firman Allah mengenai hal itu:

“ Maka perhatikanlah kesan-kesan dan rahmat Allah, bagaimana Allah menghidupkan bumi yang sudah mati. Sesungguhnya (Tuhan Yang Berkuasa) demikian benar-benar (berkuasa) menghidupkan orang-orang yang telah mati. Dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.” (Surah al-Rum: 50)

Ringkasnya tidak ada yang mustahil dalam masalah wujudnya hari kebangkitan. Malah ada banyak perkara yang menjelaskan kewujudan Hari Mahsyar.

Tuhan Yang Maha Mulia memberi kehidupan dan kematian bagi bumi yang luas dan seluruh isinya. Dia yang menciptakan bumi sebagai tempat yang menyenangkan ibarat kapal yang indah untuk mengangkut manusia mahupun haiwan ternakan. Dia yang membuat matahari terang bercahaya menyinari dunia. Dia yang membuat planet-planet menjadi wahana yang mengangkat malaikat-Nya. Tidak dapat membatasi diri pada faktor sementara, unsur yang tidak beerti dan dapat berubah seaktu-waktu, tidak abadi, serba kekurangan dan seterusnya. Dengan kata lain Dia mempunyai kerajaan yang layak bagi-Nya yang kekal, abadi dan mulia. Dia juga mempunyai kerajaan lain dan kerana itulah Dia membuat kita bekerja memanggil kita. Semua yang bersemangat akan berhasil menembusi kulit luar dan sampai kepada inti kebenaran yang telah ditakdirkan dekat dengan kehadiran-Nya. Semua rohani yang menerima nur Ilahi dan semua yang memiliki kurnia kecerdasan akan dapat menyaksikan bahawa Dia akan memindahkan kita ke suatu tempat lain di sana. Semuanya menunjukkan kepada kita bahawa Dia telah mempersiapkan pahala dan ganjaran, dan bahawa telah berulang kali Dia memberikan janji-janji serta peringatan kepada kita.

Melanggar janji adalah kerana kerendahan budi dan ianya merupakan perilaku yang sangat memalukan. Perlanggaran janji tidak dapat diserasikan dengan kesucian Tuhan.

Tidak percaya kepada Tuhan adalah suatu dosa yang tidak dapat diampuni. Tidak percaya kepada Tuhan niaitu mengkufuri Tuhan beerti mengingkari segala ciptaan-Nya dan menganggapnya tidak mempunyai erti, nilai dan harga. Kekafiran adalah suatu penghinaan bagi Pencipta alam semesta dan beerti membohongi manifestasi Tuhan yang

tercermin pada semua makhluk. Kekafiran beerti ingkar untuk hormat kepada-Nya serta menolak kesaksian yang diberikan oleh semua manusia. Kekafiran merosakkan potensi manusia sehingga tidak boleh diperbaiki. Kekafiran juga suatu tindakan yang bertentangan dengan keadilan dan pemikiran yang sihat dan melawan semua ciptaan Yang Maha Kuasa. Kekafiran tak dapat diampuni kerana jiwa orang kafir tak dapat ditebus dengan sebarang cara. Firman Allah menyatakan hal ini dengan tegas:

“Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) itu adalah kezaliman yang besar.”
(Surah al-Luqman:13)

Allah Yang Maha Kuasa adalah segala-galanya. Orang-orang beriman yang memberikan kesaksian dan bersetuju dengan hal pokok ini, walaupun mereka mungkin berbeza dalam sistem, tetapi kesamaan pendapat mereka itu sangat penting. Demikian pula dengan kualiti mereka, masing-masing merupakan panduan bagi kemanusiaan, pemimpin bagi rakyat, pujaan bagi negara. Mengingatnkan pentingnya kedudukan mereka maka mereka adalah para pakar dan pemegang hak serta kuasa dalam hal tersebut.

Dalam bidang ilmu pengetahuan atau seni budaya, lebih baik ada dua pakar daripada ribuan orang awam. Lebih baik ada dua orang yang tegas dan positif sikapnya dibanding ribuan yang bersikap negatif. Misalnya, kesaksian orang yang tegas mengaku melihat bulan muncul pada awal Ramadhan. Dia telah menghapus keraguan dan pengingkaran ribuan orang.

Ringkasnya tak ada kesaksian yang lebih besar, tuntutan yang lebih tegas dan kebenaran yang lebih jelas daripada perihal Allah Taala, hari kebangkitan dan Padang Mahsyar. Dunia bagaikan sebuah ladang, Hari Mahsyar diumpamakan sebagai musim memetik hasilnya dan syurga dan neraka merupakan balasannya.

6. MANIFESTASI KEWUJUDAN TUHAN

Berikut ini adalah sebuah bukti dari ribuan bukti mengenai kepercayaan kepada Tuhan iaitu permasalahan yang dibentangkan di berbagai tempat dalam Risalah-an-Nur.

Pada suatu ketika saya didatangi sekelompok pelajar sekolah menengah di Kastamona. Mereka berkata, “Ajarkanlah kami tentang Yang Maha Pencipta. Guru-guru kami tidak pernah menyebut nama Tuhan.” Saya menjawab, ”Setiap cabang ilmu yang kalian pelajari pasti menyebut Tuhan terus-menerus dan menerangkan tentang Yang Maha Pencipta sesuai dengan metode bahasa ilmu itu sendiri. Janganlah kalian mendengar guru kalian tersebut tetapi dengarlah cabang ilmu pengetahuan yang kalian pelajari.”

Misalnya sebuah farmasi yang lengkap dengan peralatannya. Tersimpan ramuan ubat dalam berbagai botol dan tempat. Farmasi yang sebegitu tentu menunjukkan adanya ahli kimia yang pakar yang dapat menimbang dan mengira ubat dengan baik. Demikian pula yang kita temui dalam farmasi alam yang jauh lebih luas dan lengkap dibandingkan dengan farmasi tadi. Di sini ubat dan ramuan tersimpan dalam ratusan ribu jenis flora dan fauna. Contoh di atas menunjukkan, malah kepada orang buta sekalipun siapa Ahli Farmasi Yang Termulia dan Terbesar di alam semesta ini! Dan ini ada di dalam ilmu perubatan yang kamu pelajari.

Contah lain iaitu sebuah kilang yang menghasilkan ribuan jenis kain yang berasal dari bahan yang tunggal dan sederhana. Hal ini membuktikan adanya operator yang terampil dengan alat-alat. Demikian pula halnya dengan hasil ciptaan Ilahi yang sentiasa berputar yang kita sebut sebagai bumi; dengan ratusan ribu pekerjaanya yang bekerja dalam ratusan ribu kilang tekstil. Tidak syak lagi bumi ini jauh lebih besar dan lebih sempurna dari kilang yang dibina oleh manusia dan ini membuktikan Yang Maha Ahli sememangnya adalah Pemilik bumi. Ini selaras dengan ilmu kejuruteraan yang kamu pelajari.

Atau ikuti contoh yang lain. Satu depoh, kedai atau gudang yang terkumpul seribu satu jenis bahan makanan yang disusun secara teratur dan rapi, membuktikan bahawa orang yang memiliki bahan makanan ini mempunyai kemampuan mengatur dengan cukup baik. Demikian pula halnya dengan gudang Yang Maha Pengasih iaitu setiap tahun menyusuri suatu lingkaran selama 24 ribu tahun, yang sama dengan ratusan ribu kelompok manusia dengan jenis bahan makanannya masing-masing dan melalui musim yang berbeza dalam perjalanannya. Separuh musim bagaikan sebuah gerbong yang penuh dengan berbagai jenis bahan makanan untuk manusia yang persediaan makanannya baru habis selama musim sejuk. Semua ini pasti ada Pemiliknya, Pengaturnya dan Pelakunya yang mengelola bumi ini sehingga menjadi akrab dengan kita. Dan inipun sesuai dengan ilmu ekonomi yang sedang atau akan kalian pelajari.

Demikian juga adanya berjuta-juta lampu elektrik yang menerangi bandar-bandar besar serta syarikat yang mengendalikan tenaga elektrik. Itu menandakan adanya para tenaga pakar yang dapat mengelola aliran elektrik tanpa kesalahan. Kita kagum dengan pakar tersebut. Dalam alam semesta ini ada bintang-bintang yang tergantung di langit. Bintang-bintang tersebut tidak pernah meninggalkan tempat peredarannya; tidak pernah berlanggar sesamam mereka; tidak pernah padam dari bahan bakarnya yang tidak pernah habis. Sesuai dengan ilmu falak yang kalian pelajari, maka seharusnya tersedia gas cair yang sama banyaknya dengan lautan dan tompok-tompok kayu bakar setinggi gunung-gunung di seluruh dunia agar matahari tetap dapat bersinar setiap hari. Lampu kerajaan Tuhan itu nyalaannya lebih terang daripada seluruh lampu yang ada di dunia ini. Lampu elektrik dalam istana-istana dunia memang sangat terang benderang. Walaubagaimanapun matahari dan bintang-bintang bersinar tanpa memerlukan gas atau kayu bakar, atau batu bara dan tidak pernah padam! Bintang-bintang tersebut berpusing cepat namun tidak berlanggaran. Matahari dan bintang-bintang itu membuktikan betapa hebatnya kekuatan dan tenaganya. Bintang-bintang yang cemerlang itu menjadi saksi betapa Tuhan menyebar cinta dan kasih-Nya. Kemuliaan dan kesucian-Nya membuat manusia memuja Tuhan seru sekalian alam. Allahu Akbar.

Mari kita bayangkan wujudnya sebuah buku besar. Pada setiap baris buku tercantum sebuah karya tersendiri yang di dalam setiap kata-katanya terdapat surah Al-Quran ditulis dengan pena yang halus sekali. Buku itu merupakan kumpulan kebenaran hakiki yang satu sama lain saling berkait. Buku ini membuktikan betapa trampil si Pengarang. Buku ini memperlihatkan dengan jelas kewujudan Allah Taala dan mengundang kata-kata pujian kita. Masya Allah. SubhanAllah.

Demikianlah buku besar tadi. Di muka bumi kita mendapati pada setiap muka surat, khasnya di separuh musim, pada setiap kalimatnya muncul tiga ratus ribu flora dan fauna yang mirip tiga ratus ribu buku yang semuanya ditulis tanpa kesalahan atau alpa sedikitpun! Kita melihat sebatang pena bekerja, menulis sajak berbentuk pohon, sebutir kata dalam buku ini, pena itu menggambarkan indeks seluruh karya berbentuk benih dari sebuah titik dalam buku tersebut.

Karya ringkas ini, Al-Quran semesta ini, yang setiap katanya mengandungi kearifan dan kebenaran, jauh lebih agung dan sempurna. Ianya membuktikan kewujudan ahli kaligrafi yang ulung lagi sempurna. Dengan mengumandangkan “Allahu Akbar” dinyatakan akan kewujudan Tuhan. Dengan menyebut “ SubhanAllah ” dirumuskan akan keagungan-Nya. Dengan mengucapkan “ Alhamdulillah ” dipujilah Dia Yang Maha Penyayang. Ini adalah sesuai dengan ilmu geografi yang kalian pelajari dan seni membaca dan menulis yang kalian praktikkan di sekolah. Ratusan ilmu lainnya yang hampir selari dengan yang di atas, memperkenalkan daya jangkauannya yang luas dan kesanggupan pencerminannya yang tajam serta wawasannya yang jauh ke hadapan kemuliaan Yang Maha Pencipta dengan segala sifat-Nya.

Maka untuk mengingatkan manusia, Al-Quran berulang kali mengulangi ayat berikut:

“Tuhan langit dan bumi.”

“Dia menciptakan langit dan bumi.”

Dengan demikian diperkenalkannya Yang Maha Pencipta kepada kita.

Demikianlah saya berbicara kepada para pelajar itu dan mereka menerima semua itu dengan berkata, ”Syukur alhamdulillah kami telah dikurniai satu pengajaran yang suci lagi benar. Semoga Allah memberkati kita semua.” Lalu saya berkata, ”Walaupun manusia itu hidup dan memberi reaksi tak seronok terhadap beribu-ribu macam rasa sakit dan reaksi gembira terhadap ribuan macam kesenangan; sekalipun manusia menghadapi lawan yang tidak terbilang banyaknya, samada yang nampak mahupun yang tersembunyi; walaupun dia menghadapi kemiskinan yang teruk dan menderita kerana keperluan hidup yang begitu banyak; tetapi dia akan tetap dibantu oleh Allah Taala untuk melawan musuhnya dan memberi segala yang diperlukannya. Jika manusia mencari perlindungan kepada Allah Yang Maha Kuasa dan ia menjadi hamba-Nya, nescaya dapat dibayangkan betapa puas dan bahagianya manusia itu dan betapa bersyukur dia kepada Tuhan Yang Maha Kuasa lagi Maha Pemurah.’

Ingin saya mengulangi apa yang saya katakan kepada pelajar-pelajar itu, “ Barangsiapa kenal dan tunduk kepada Tuhan, dialah orang yang beruntung sekalipun dia dimasukkan ke dalam penjara. Sebaliknya, orang yang melupakan-Nya dia adalah orang yang pasti mendapat hukuman meskipun kini berada dalam istana. Pernah ada seorang lelaki yang dihukum mati tetapi dia merasa bahagia. Ketika dia sedang menghadapi pasukan penembak, dia berkata kepada orang-orang yang menzaliminya, “ Saya tidak dihukum mati malah saya dibebaskan menuju ke tempat yang penuh dengan kebahagiaan. Saya merasa cukup dibela oleh Allah Taala meskipun di bumi ini saya dijatuhi hukuman selama-lamanya.” Setelah itu dia pun mengucapkan sebuah kalimah untuk menyerahkan seluruh jiwa dan raganya. Kalimah itu ialah

“Tiada tuhan selain Allah.”

7. BUKTI-BUKTI KEKUASAAN TUHAN

“Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat.” (Surah Ibrahim: 25)

“Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir.” (Surah al-Hasyr:21)

Pada suatu masa, ada dua orang lelaki sedang mandi-manda di sebuah kolam. Kerana pengaruh tenaga ghaib tiba-tiba mereka menjadi tidak sedar diri. Apabila mereka membuka mata kembali, mereka melihat sebuah dunia yang mirip dengan sebuah kerajaan, lalu sebuah bandar dan yang terakhir sebuah istana. Mereka hairan sekali memandang keadaan di sekeliling mereka. Pada suatu arah mereka menyaksikan suatu dunia yang luas dan kerajaan yang teratur dan pada arah yang lain terbentang sebuah bandar yang sempurna. Manakala di sebelahny lagi terdapat sebuah istana yang sangat indah dan megah. Dengan segera mereka menyelidiki kerajaan tersebut. Mereka mendapati bahawa kerajaan itu didiami oleh sejenis makhluk yang mempunyai bahasa gerak. Mereka tidak mengenal bahasa ucapan, namun dari gerak-geri makhluk-makhluk itu dapat difahami bahawa mereka sedang melakukan pelbagai tugas penting dan mulia.

Salah seorang dari kedua orang itu berkata, ”Dunia yang luar biasa ini pasti ada yang mengaturnya. Kerajaan yang teratur baik tentu mempunyai raja. Bandar yang sempurna ini pasti mempunyai penguasa. Istana dengan bangunannya yang cantik ini pasti ada penciptanya. Kita harus mengenalnya kerana nampaknya dialah yang membawa kita ke sini. Kalau kita tidak mengenalnya maka siapakah yang akan menolong kita? Apakah yang dapat kita harapkan dari makhluk-makhluk yang tak berdaya itu, yang tidak

memahami bahasa kita dan tidak mengendahkan kita? Tambahan pula, yang telah menciptakan alam yang lusa ini menjadi sebuah kerajaan berupa sebuah bandar dengan istananya yang megah, yang telah memenuhinya dengan benda-benda ajaib dari hujung ke hujung yang lain dan mempercantikannya dengan sejumlah perhiasan serta mengaturnya dengan sangat mempersona, yang telah berbuat demikian itu tentu mengkehendaki sesuatu dari kita dan orang lain yang datang berkunjung ke sini. Kita harus mengenalnya dan mengetahui apa yang dikehendakinya.”

Orang yang kedua berkata,” Saya tidak percaya ada orang seperti yang kamu gambarkan itu yang dapat mengatur kerajaan ini seorang diri.” Bantahan itu dijawab oleh orang yang pertama, “Jika kita tidak dapat mengenalnya dan tetap tidak memperdulikannya, nescaya hal itu tidak akan mendatangkan keuntungan bagi kita malah sebaliknya akan sangat merugikan kita. Untuk mengenalnya hanya memerlukan usaha yang sedikit sahaja namun keuntungannya sungguh besar. Oleh itu, jika kita tetap tidak memperdulikannya maka itu adalah suatu perbuatan yang bodoh.”

Orang kedua yang tidak peduli itu berkata, ”Saya berpendapat seluruh ketenteraman jiwa serta kebahagiaan saya terletak pada saya dan tidak perlu memikirkannya. Saya tidak akan menyusahkan diri melulu dengan hal-hal yang tidak dapat dimengertikan oleh fikiran saya. Semua yang kita lihat ini adalah akibat dari kejadian dan kekacauan yang kita alami. Ia menjelma dengan sendirinya.” Rakannya yang cerdik itu menjawab dengan pedas,” Kederhakaanmu ini akan menjerumuskan saya serta mungkin ramai yang lain ke dalam malapetaka. Adakalanya sebuah kerajaan itu hancur disebabkan oleh perbuatan seseorang yang biadap.”

“Buktikanlah dengan tepat bahawa kerajaan yang besar ini hanya mempunyai satu raja dan pencipta atau berhentilah mengacau fikiran saya!,” kata orang kedua.

Rakannya berkata, ”Kata-katamu sungguh keterlaluan. Ianya mungkin akan mendatangkan kutukan terhadap saya dan seluruh kerajaan ini. Oleh itu, saya akan memperlihatkan kepadamu dua belas bukti bahawa alam semesta yang berupa kerajaan

ini hanya mempunyai satu pencipta dan pencipta tunggal inilah yang mengatur segala-galanya seorang diri. Tidak ada kekurangan sedikitpun padanya dalam segala hal. Meskipun ia ghaib di pandangan kita, namun ia melihat kita dan mendengar apa yang kita ucapkan. Segala perbuatannya menakjubkan. Semua makhluk yang kita lihat dan bahasanya tidak kita fahami telah diatur untuk melakukan tugas mereka masing-masing.

BUKTI PERTAMA

Mari kita pandang ke segala arah. Lihatlah semua benda dengan teliti. Suatu tangan yang tersembunyi sedang melakukan semua ini. Ada sebuah benda yang lebih ringan dari wang syiling dan lebih kecil dari sebuah biji, sedang mengangkat beban seberat seribu paun.² Ada benda lain pula, tanpa kita sedari sedikitpun, sedang melakukan sesuatu yang sangat pelik.³ Mereka tidak dapat berbuat sendiri. Harus ada si pemilik dengan tenaga tersembunyi yang menugaskan mereka bekerja. Kerana jika semua benda dapat memerintah diri sendiri, maka segala yang telah kita lihat dalam kerajaan ini dari hujung ke hujung merupakan suatu rangkaian keajaiban yang saling berkaitan dan merupakan suatu perkara yang mustahil.

BUKTI KEDUA

Mari kita perhatikan dengan baik segala sesuatu yang membuat indahnyanya dataran lapangan dan daerah pemukiman. Masing-masing menunjukkan wujudnya keajaiban. Lihatlah apa yang dibuatnya dari secubit kapas di hadapan mata engkau.⁴ Betapa banyak gulungan kain tenun, katun halus dan kain cita yang dibuat darinya. Lihatlah pula betapa banyaknya gula-gula dan manisan serta kuih-muih lazat yang dihasilkan dari sana. Betapa

² Kiasan sel-sel pohon yang mengandungi daya hidup.

³ Mengkiasakan cara tanaman kecil seperti pohon anggur yang tidak tumbuh ke atas, akan tetapi melilitkan tubuhnya mengelilingi pohon yang kukuh untuk tegak ke atas.

⁴ Mengkiasakan benih. Sebutir benih ampium misalnya yang besarnya hanya sekecil atom, atau benih arbei yang ringannya seiringan wang syiling atau biji tembikai. Benih-benih ini menghadiahkan kepada kita dedaunan yang halus serta bunga-bunga berwarna putih dan merah, yang warnanya lebih cemerlang daripada kain kapan serta buah-buahan yang lebih manis daripada gula dan lebih lazat daripada daging panggang dan makanan yang diawetkan dalam tin.

banyak manusia yang mendapatkan pakaian dan makanan serta keperluannya yang lain. Lihatlah pula bagaimana mereka dapat menguasai besi, tanah, air, batu bara, tembaga, perak, emas bagaikan seekor mangsa yang tertembak jatuh ke dalam dunia yang tidak kelihatan ini, dan membuat potongan-potongan daging dari segala unsur itu.⁵ Oleh itu, hai orang yang bodoh, lihatlah dan saksikanlah sendiri! Segala hal dapat membuktikan bahawa ada sesuatu yang dengan tenaga ghaibnya menguasai seluruh negara dengan menggunakan semua unturnya dan kerana kehendaknya segala sesuatu harus tunduk.

BUKTI KETIGA

Tengoklah benda-benda bergerak yang telah dibuat dengan teliti dan seni ini!⁶ Masing-masing telah diciptakan sedemikian rupa sehingga merupakan contoh misi dari istana yang luas. Mungkinkah orang selain penguasa yang telah menciptakan istana ini sanggup memanfaatkan istana yang istimewa ini menjadi sebuah mesin? Atau mungkinkah sebuah mesin yang tidak besar daripada sebuah kotak dapat bekerja secara kebetulan atau mengikut kehendaknya sahaja sementara seluruh dunia berada di dalamnya? Semua mesin yang bekerja dengan teliti sebagaimana yang engkau lihat dengan mata kepala itu merupakan sekeping wang yang menggoreskan sesuatu yang tersembunyi.

Sesungguhnya mereka merupakan suatu lambang atau cetusan yang mengumumkan: “Kami adalah hasil kerja sesuatu yang sanggup menciptakan alam semesta ini semudah Dia membentuk dan mencipta saya.”

BUKTI KEEMPAT

Hai rakanku yang degil! Mari saya perlihatkan kepadamu sesuatu yang lebih aneh lagi! Perhatikanlah bahawa semua benda dan objek dalam negeri ini berubah terus-menerus dan akan terus berubah. Mereka tidak tetap dalam satu bentuk sahaja.

⁵ Kiasan makhluk haiwan yang diciptakan daripada setitis darah.

⁶ Kiasan binatang dan manusia. Binatang hanya merupakan pelengkap, manakala manusia sebagai inti bagi seluruh makhluk yang diciptakan.

Perhatikanlah baik-baik dan kamu akan lihat bahawa benda-benda padat dan kotak-kotak yang tidak mempunyai rasa yang kita saksikan itu telah mengambil bentuk seorang raja yang amat berkuasa. Seolah-olah setiap objek mengatur semua benda. Lihatlah mesin di samping kita. Nampaknya ia sedang memberi perintah.⁷ Peralatan yang diperlukan untuk pekerjaannya didatangkan dengan cepat dari tempat yang jauh. Dan lihatlah di seberang sana. Benda tidak berperasaan itu nampaknya memberi perintah. Benda-benda yang besarpun tunduk kepadanya di dalam melaksanakan tugasnya.⁸ Bandingkanlah benda-benda lain dengan benda ini. Seolah-olah benda ini menguasai segala makhluk di dunia demi kepentingannya sendiri.

Andaikata engkau tidak bersetuju dengan kewujudan makhluk ghaib itu maka semestinya engkau menyerahkan segala pengetahuan, kesenian dan kesempurnaan yang melekat pada batu, tanah, bintang dan makhluk seperti manusia yang ditemukan dalam kerajaan itu kepada objek-objek itu sendiri. Sebagai pengganti makhluk tunggal yang ghaib itu yang kecerdikannya engkau nafikan, maka engkau beranggapan wujudnya jutaan makhluk ghaib yang masing-masing serupa atau tidak serupa, yang hidup dalam lingkungan sama, dan harus tetap bekerjasama dengan serasi. Namun, nyatanya jika alam ini cuba diaturkan oleh dua pasang tangan, maka kekacauanlah yang akan berlaku. Kerana jika ada dua orang ketua dalam satu kampung, ada dua orang gabenor dalam satu bandar besar, ada dua orang raja dalam satu kerajaan, maka kekacauanlah yang akan berkuasa. Bagaimanakah segala sesuatu dapat hidup tanpa Penguasa dunia Yang Maha Kuasa dan mutlak ini?

BUKTI KELIMA

Rakanku perhatikanlah baik-baik piagam pada isatna ini. Hormati hiasan-hiasan istana ini. Periksalah jauhar bandar ini. Pertimbangkan karya seni dunia ini. Andaikata

⁷ Mesin mengkiaskan pohon-pohon yang berbuah. Pohon-pohon itu menyiapkan, mematangkan dan memberi kita dedaunan, bunga dan buah-buahan. Seolah-olah ada ratusan bengkel dan kilang yang berada di dahan-dahannya. Sebaliknya, pohon-pohon yang anggun seperti pinus mempunyai bengkel-bengkel di atas batu keras dan terpaksa bekerja dari atas tempat yang gersang itu.

pena makhluk ghaib ini tidak bekerja dengan kuat dan kecekapan yang menakjubkan dan andaikata piagam ini dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa yang tidak berjiwa, kebetulan dan alam bisu sahaja, maka setiap batu dan rumput dalam dunia akan menjadi pemahat yang mengagumkan. Seorang penulis yang luar biasa seolah-olah sanggup menuliskan seribu buah buku dengan satu huruf, memadai jutaan macam kesenian menjadi satu ciptaan tunggal. Lihatlah bentuk batu-batuan. Masing-masing memuatkan bentuk keseluruhan istana, segala peraturan kota dan segala jauhar dunia.⁹

Oleh kerananya, membuat bentuk-bentuk itu sahaja tidaklah menakjubkan daripada membina negara. Dengan demikian setiap bentuk dan seni bagaikan pernyataan dan petanda kewujudan sesuatu yang ghaib itu. Jika surat tidak dapat bertindak selain kecuali sebagai pernyataan kecekapan menulis dan bentuk artistik tidak dapat berbuat selain sebagai bukti wujudnya si pencipta. Maka bagaimanakah seseorang dapat menulis suatu buku besar hanya dengan satu huruf dan menghuraikan seribu bentuk hanya dengan bentuk tunggal yang tidak dikenal dari buku dan ciptaannya sendiri?

BUKTI KEENAM

Mari kita berjalan-jalan di dataran yang luas ini.¹⁰ Di tengah-tengahnya menjulang sebuah gunung. Mari kita mendaki gunung itu agar kita dapat memandang ke seluruh daerah di sekelilingnya. Sebaiknya kita membawa teleskop terbaik supaya segala sesuatu dapat kita lihat lebih dekat, sebab banyak benda aneh sedang bergerak dalam negeri asing ini. Ini beerti kecerdasan kita tidak sanggup memahami apa-apa yang

⁸ Ini satu kiasan padi, benih dan telur serangga. Serangga meninggalkan telurnya di atas daun pokok elm dan ia berubah bentuk menjadi seperti rahim bagi telur itu lengkap dengan makanan dan minumannya. Maka meskipun pohon elm itu tidak berbuah namun ia dapat melahirkan buah yang hidup.

⁹ Kiasan bagi manusia, buah dari pohon ciptaan. Apapun yang tertulis dalam buku besar sejagad oleh kekuasaan Tuhan, secara ringkas telah tersurat pula tentang hakikat manusia dan dalam buah pohon telah dituliskannya. Apapun yang ditulis dalam batang pohon sebesar gunung itu tidak lebih besar daripada seruas jari manusia.

¹⁰ Menunjukkan kepada permukaan dunia sepanjang separuh musim dan musim panas. Beratus ribu orang dari berbagai lapisan dan golongan berkumpul dan bercampur. Semuanya menulis di atas permukaan bumi. Mereka bertukar tempat dengan teliti tanpa kesukaran atau kekeliruan. Ribuan santapan dari Yang Maha Penyayang diagih-agihkan. Setiap pohon menjadi seorang pelayan yang membawa nampan dengan makanan. Setiap kebun buah-buahan berganti rupa menjadi periuk rasaksa dengan makanan yang dimasak.

berlaku dari masa ke semasa. Gunung-ganang, dataran dan bandar-bandar tiba-tiba sahaja berubah dengan cara sedemikian rupa sehingga jutaan permasalahan yang rumit dan sukar menjadi teratur. Pelbagai perubahan luar biasa berlaku menyerupai jalinan jutaan kain cita. Lihatlah bagaimana semua bunga dan tanaman yang kita sukai itu berganti menjadi tanaman yang mempunyai berlainan bentuk. Dataran dan gunung-ganang adalah bagaikan suatu hamparan bertuliskan ratusan buku yang beraneka ragam tanpa sebarang kesalahanpun. Tidak mungkin hal yang demikian itu berlaku dengan sendirinya. Lebih tidak mungkin lagi jika perubahan itu berlaku kerana dirinya sendiri. Perubahan tersebut lebih banyak menunjukkan Pencipta mereka daripada diri mereka sendiri.

Yang menghasilkan karya ajaib dan yang menggerakkan segala sesuatu itu mempunyai sifat sedemikian rupa sehingga tidak ada tugas yang sukar bagi-Nya. Bagi Dia, menulis seribu buah buku adalah sama mudahnya dengan menulis sepucuk surat.

Selain itu, lihatlah ke segenap penjuru dan saksikanlah bagaimana pandainya Dia meletakkan setiap benda pada tempatnya dengan tepat. Dengan murah hati dicurahkan-Nya kurnia yang patut kepada setiap makhluk di dunia fana ini.. Oleh itu, adakah sesuatu yang tidak mungkin di dunia ini sehingga kita menyaksikan sesuatu yang dapat digolongkan sebagai kebetulan? Rakanku, carilah kelemahan akan hal ini seandainya engkau boleh!

Rakanku, mari kita tinggalkan fakta-fakta ini dan kita periksa komponen dunia yang menakjubkan dan berbentuk istana ini. Saksikanlah betapa perubahan alam semesta telah berlangsung dengan begitu tertib sehingga semua batu, tanah, pohon kayu dan segala yang terdapat dalam istana itu tampaknya mematuhi perintah. Masing-masing seakan-akan merupakan perantara sukarela yang bergerak sesuai dengan perintah tersebut. Benda-benda yang terletak berjauhan saling membantu bagai datangnya rombongan kafilah¹¹ yang menakjubkan. Mereka bermunculan keluar dari dunia yang tidak kelihatan, dengan puncak-puncaknya yang menyerupai pepohonan, tanaman dan gunung. Masing-

¹¹ Yang dimaksudkan dengan kafilah ialah pepohonan dan tanaman yang mengandung makanan untuk semua binatang.

masing menjunjung nampan yang penuh dengan perbekalan di atas kepalanya. Kafilah tersebut mengangkut perbekalan untuk berbagai binatang yang menunggu di alam satwa.

Lihatlah dan saksikanlah lampu elektrik¹² yang menerangi kubah langit menerangi jalan kafilah serta berfungsi sebagai alat pemasak makanan yang dibawa. Seperti ada tali yang diikatkan oleh sebuah tangan dalam dunia yang tidak nampak untuk menggantungkan makanan di bawah sinar matahari.¹³ Pandanglah dan saksikanlah bagaimana dua buah pam¹⁴ berisikan makanan lazat bergizi telah terpasang bagai mata air di tengah-tengah binatang yang malang, lemah dan tidak berdaya. Makhluk yang tak berdaya itu cukup hanya menempelkan mulutnya pada salah satu pam itu.

Ringkasnya, segala benda di dalam dunia ini saling memerlukan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Mereka saling bantu-membantu dan menghulurkan tangan. Untuk menyelesaikan tugas masing-masing mereka sama-sama berusaha dan bekerja. Hal ini membuktikan dengan pasti sebagaimana dua kali dua bersamaan dengan empat; bahawa semua benda tunduk kepada Yang Maha Pencipta istana yang menakjubkan ini. Segala sesuatu bekerja untuk kepentingan-Nya. Segala sesuatu bagaikan perajurit yang menunggu arahan. Segala sesuatu bergerak kerana perintah-Nya. Segala sesuatu tersusun kerana kepandaian-Nya. Segala sesuatu memberikan bantuan melalui kemurahan-Nya. Maka bantahlah hal ini, wahai rakanku jika engkau mampu!

BUKTI KELAPAN

Hai rakanku yang bodoh tetapi menganggap dirinya pandai! Tidakkah engkau teringin mengenal si Pemilik istana megah ini walhal segala sesuatu telah menunjukkan Da dan kewujudan Dia serta memberikan kesaksian keatas-Nya?! Bagaimanakah engkau dapat mengingkari kesaksian-kesaksian itu? Mengapa tidak sekalian sahaja mengingkari

¹² Kiasan matahari.

¹³ Tali dan makanan yang tergantung dikiaskan untuk dahan-dahan halus dan buah-buahan yang lazat dari pepohonan.

¹⁴ Dua buah pam dikiaskan bagi susu ibu.

istana itu dan berseru, "Tidak ada dunia!" atau ingkarilah dirimu sendiri dan berhambuslah!

Jika engkau tidak mahu, maka himpulkan fikiran sihatmu dan dengarkan apa yang saya katakan. Lihatlah sekarang ada berbagai unsur dan bermacam mineral dalam istana yang meliputi kerajaan ini.¹⁵ Seolah-olah segala sesuatu yang dihasilkan terbuat dari bahan-bahan baku itu. Lebih terang lagi, bahawa pemilik bahan baku itu juga memiliki apa yang telah tercipta dari bahan tersebut. Biji-biji yang tumbuh di ladang adalah dipunyai oleh pemilik ladang itu dan apapun yang terdapat dalam sebuah danau, maka yang mempunyai danau itulah yang menjadi pemiliknya. Bahan tenunan serta bergulung-gulung kain cita dalam berbagai corak yang engkau lihat ini adalah juga terbuat dari satu unsur tunggal. Oleh itu, semua tekstil yang telah ditenun secara mahir itu adalah milik yang satu ini. Malah setiap jenis kain yang ditenun dan benda yang dicipta adalah hasil karya yang satu itu. Semua benda bergerak mengikut arahan yang satu itu. Sebab keserasian dan kerukunan dengan cara dan waktu yang sama mempunyai sifat dan bentuk yang sama. Adapun yang sebaliknya adalah tidak mungkin.

Oleh kerana itu, masing-masing benda yang mahir itu mempamerkan sesuatu yang tersembunyi dengan cara seolah-olah ia telah mengumumkan suatu pernyataan. Setiap kain yang disulam, setiap mesin yang bekerja, setiap jenis makanan yang lazat adalah bagaikan cap ghaib yang menyatakan, "Almari dan kedai tempat saya ditemukan adalah milik yang satu yang telah menciptakan saya dengan cermat." Setiap corak mengatakan," Gulungan kain tempat saya dicetak adalah milik yang satu, yang menyulamku." Setiap potong makanan yang lazat menyatakan, " Kualiti tempat saya dimasakkan ini adalah milik yang satu yang memasak dan mengolah saya." Setiap mesin mengatakan," Sesuatu" yang telah membuat saya, telah pula membuat mesin-mesin semacam saya yang tersebar di seluruh kerajaan. Dialah pula yang mengendalikan segala sesuatu di setiap pelosok kerajaan ini. Oleh itu, Dia-lah pemilik kerajaan. Dan barangsiapa yang memiliki kerajaan dan istana ini, maka Dia-lah yang memiliki kita."

¹⁵ "Berbagai unsur dan bermacam mineral" bermaksud benda-benda keperluan pokok seperti udara, air, sinar matahari dan sebagainya yang diciptakan Allah demi kehidupan makhluk-Nya.

Demikian juga pemilik yang sah dari satu-satunya pita atau kancing lambang milik negara, maka negara haruslah menyediakan bengkel-bengkel yang menghasilkannya. Selalunya ada sahaja kemungkinan berlakunya penyalahgunaan yang dilakukan oleh askar yang sombong. Oleh itu kita harus mengingatkan kepadanya bahawa semua itu adalah milik negara. Ringkasnya unsur-unsur bahan ini adalah bahan material yang ada bahan didalamnya. Yang mempunyainya hanyalah Yang Maha Esa pemilik seluruh negara. Semua objek yang tersebar di kerajaan ini yang mirip antara satu sama lain kerana dibuat dari satu cetakan adalah menunjukkan hasil karya dari yang memerintah.

Wahai rakanku! Dalam kerajaan ini tanda kesatuan dan mata wang adalah merupakan lambang penyatuan. Beberapa benda menunjukkan penyatuan dan mencakupi keseluruhannya. Benda-benda lain meskipun banyak ragamnya memperlihatkan satu kesatuan corak hasil kemiripan serta kewujudannya di mana-mana. Kerana ada kesatuan, maka tentu ada sesuatu Yang Esa. Si Perancang, Pemilik, Penguasa dan Penciptanya yang mempunyai ciri-ciri kesatuan haruslah pula Esa. Perhatikan, tali yang kasar ada di belakang tirai yang tidak kelihatan, dan ribuan tali yang lebih halus bergantung kepadanya. Pada hujung setiap tali¹⁶ itu diikat suatu hiasan, pemberian dan hadiah. Suatu hadiah yang sesuai ditawarkan kepada setiap orang. Tidak sedarkah engkau, betapa anehnya engkau jika tidak mengakui dan berterimakasih kepada yang satu itu; yang telah memberikan hadiah-hadiah yang menakjubkan dari balik tirai yang tidak kelihatan. Kerana, jika engkau tidak mengakuinya, maka engkau akan terpaksa berkata, “Tali-tali ini terjadi dengan sendirinya, begitu pula dengan hadiah dan pemberian lainnya yang melekat padanya.” Hal ini beerti setiap tali mempunyai kedudukan sebagai raja, walhal sesungguhnya ada satu tangan dari alam yang tidak kelihatan yang mencipta tali-tali itu dan menggantung hadiah-hadiah itu pada tali tersebut di hadapan mata kita. Ringkasnya, segala sesuatu yang ada di dalam istana ini membuktikan wujudnya yang ghaib itu. Jika engkau tidak mengakuinya maka engkau akan jatuh ke tingkat yang jauh lebih rendah

¹⁶ Tali yang kasar adalah kiasan bagi pohon yang berbuah. Ribuan tali mengkiaskan dahan dan rantingnya. Manakal hiasan dan macam-macam hadiah yang tergantung pada tali menunjukkan kiasan bermacam jenis bunga dan buah-buahan.

dibandingkan dengan binatang kerana sangkalanmu yang keterlaluan mengenai segala sesuatu yang mengisi dunia ini!

BUKTI KESEMBILAN

Wahai rakanku yang bodoh! Engkau tidak mengakui Pemilik istana ini dan tidak mempunyai keinginan untuk mengakui-Nya krana engkau menganggap kewujudan-Nya adalah mustahil. Engkau telah sesat dengan menyangkal kepandaian-Nya yang menakjubkan serta kebesaran-Nya yang berada di luar jangkauan pengertian. Andaikata kita mengakui-Nya, maka seluruh istana ini, dunia ini akan menjadi suatu tempat yang tenteram dan tenang bagi kita. Segala barang akan menjadi murah dan melimpah ruah. Akan tetapi jika tidak mengakui-Nya, maka segala-galanya di dalam istana ini akan menjadi masalah kerana segala sesuatu yang mengisi istana ini sama rumitnya dengan istana itu sendiri.

Barang-barangnya tidak akan menjadi murah dan jumlahnya tidak akan melimpah. Malah tidak satupun dari yang kita lihat akan dapat kita atau orang lain nikmati!

Lihat tin-tin berisi makanan¹⁷ yang tergantung pada tali. Andaikata tidak berasal dari dapur ajaib yang tidak nampak kepunyaan Pemilik dunia ini, maka kita tidak akan memperolehnya dengan harga berapapun walaupun sekarang kita boleh mendapatkannya dengan harga yang amat murah. Ya, mustahil masalah-masalah dan bencana-bencana itu disebabkan oleh kerana engkau tidak mengakui-Nya. Dan memang betul suatu kebodohan jika kita tidak mengakui-Nya. Menurut suatu hukum pohon kayu diberi kehidupan melalui akarnya. Penciptaan ribuan buah sama mudahnya dengan penciptaan satu buah sahaja. Jika semua pohon itu masing-masing duhubungkan dengan suatu pusat dan akar tersendiri menurut peraturan tersendiri pula, maka tiap-tiap buah akan menjadi sama rumitnya dengan keseluruhan pohon itu.

¹⁷ Makanan dalam tin dikiaskan untuk buah tembikai, delima atau buah kelapa yang airnya seperti susu dan lain-lain anugerah Tuhan.

Demikian pula jika seluruh perlengkapan suatu pasukan berasal hanya dari satu kilang. Melengkapi suatu pasukan akan menjadi sama mudahnya dengan melengkapi seorang askar. Akan tetapi jika perlengkapan askar harus dibuat dan diperoleh dari berbagai tempat, maka untuk tiap-tiap askar harus didirikan kilang sebanyak yang diperlukan untuk seluruh pasukan.

Seperti kedua contoh ini, jika penciptaan semua barang dalam istana yang teratur baik ini, bandar yang sempurna ini, kerajaan yang makmur ini, dunia yang megah ini, diserahkan kepada yang satu, maka pelaksanaan tugas akan menjadi sangat mudah dan ringan, sehingga segala hasilnya kita lihat dalam dunia ini bagaikan suatu keadaan yang serba murah, mewah dan mencukupi. Sebaliknya, jika tidak demikian, maka segala sesuatu menjadi sangat mahal dan sukar didatangkan sehingga tiada apa yang dapat diperoleh, meskipun seluruh kekayaan dunia dipertaruhkan sebagai gantinya.

BUKTI KESEPULUH

Rakanku! Engkau kini telah mula membuktikan kau memiliki kejujuran. Telah lima belas hari kita berada di sini.¹⁸ Jika kita tidak mengathui hukum-hakam dunia dan tidak mengetahui rajanya, maka kita layak menerima hukuman. Kita tidak mempunyai alasan apapun. Selama lima belas hari tiada apa yang harus kita pertanggungjawabkan. Seolah-olah kita telah diberi kelapangan waktu. Tetapi kita tidak dibiarkan begitu berterusan. Kita tahu bahawa kita disekelilingi oleh banyak kenikmatan yang tak terkata, lazat, enak, lembut dan halus. Kita tidak boleh berbuat sesuka hati kita kerana kita tidak dibenarkan melakukan sedemikian. Raja dunia Yang Megah ini pasti memberi hukuman setimpal. Engkau akan mengerti betapa megah dan berkuasanya Raja itu dengan cara-Nya memerintah dunia yang luas ini bagaikan suatu istana. Ya, bagaikan sebuah roda yang berpusing. Ia mengurus kerajaan yang besar ini bagaikan sebuah rumahtangga dan tidak membenarkan kekurangan suatu apa pun. Lihatlah bagaimana Ia mengisi istana

¹⁸ Lima belas hari mengkiaskan usia lima belas tahun ketika seseorang itu dianggap telah memikul bebanan hukum (akil baligh).

kerajaan ini dengan teliti kemudian mengosongkannya dengan berhati-hati, seakan-akan hanya mengisi dan mengosongkan sebuah cangkir. Dari hujung kerajaan sehingga ke hujungnya yang lain muncul perlbagai jenis buah yang dihantar untuk disantap bila tiba waktunya. Berbagai jenis hidangan disajikan kemudian diangkat lagi oleh sebuah tangan yang tidak kelihatan. Seolah-olah alas meja¹⁹ dibentang kemudian dilipat kembali. Diambilnya sehelai lalu dikeluarkannya yang lain. Demikianlah engkau dapat memahaminya andaikata engkau dapat memahami kedermawanan yang terkandung di dalam keagungan yang mempersona itu.

Lihatlah bagaimana semua benda mempunyai bukti tentang kekuasaan dan keesaan yang tidak dapat dilihat itu. Demikian pula perubahan dan pembentukan yang saling menyusul antara sesamanya, bagaikan iring-iringan kafilah yang tidak berkeputusan, yang muncul dari sebalik tirai yang terusan terbuka dan tertutup, membuktikan keabadian dan sifat kekal-Nya. Kerana jika hilangnya semua benda, maka yang menghasilkannya akan lenyap pula. Namun sesudah mereka tiada lagi, akan berulang kembali hal-hal yang kita hubungkan dengan mereka. Oleh kerana itu, semua akibat yang telah kita lihat bukanlah milik mereka sendiri akan tetapi lebih banyak milik sesuatu yang tidak mati iaitu Yang Abadi.

Gelombang-gelombang yang ada di permukaan air sungai lenyap tetapi gelombang baru muncul sesudah itu, berkilauan dengan cara yang sama. Dengan demikian dapat kita simpulkan bahawa sesuatu yang telah menyebabkan ia berkilau adalah pemilik abadi dan agung. Demikian pula perubahan cepat semua benda dan pemakaian warna yang sama oleh kewujudan yang susul-menyusul yang dapat kita simpulkan sebagai kewujudan corak dan cermin sesuatu yang Esa dan Abadi.

BUKTI KESEBELAS

¹⁹ Alas meja menggambarkan kiasan muka bumi di tengah-tengah musim panas bilamana beratus-ratus macam hidangan segar dikeluarkan. Setiap kebun buah berubah bagaikan periuk. Setiap pohon menjadi pelayan yang menghantar penuh santapan yang lazat itu.

Wahai rakanku! Saya akan memperlihatkan kepadamu suatu bukti yang lebih mmentukan dan sama meyakinkan seperti sepuluh buti terdahulu. Mari kita naik ke atas kapal.²⁰ Ada sebuah pulau di kejauhan sana yang menjadi halatuju kita. Kunci-kunci dunia yang hebat dapat ditemui di sana. Perhatian dan pengharapan semua orang tertumpu kepada pulau itu dan semua orang menerima petunjuk darinya. Kita belayar ke pulau itu dan turun dari kapal. Lihatlah betapa bisingnya keadaan di sini. Orang-orang terkemuka dari seluruh dunia berkumpul untuk mengikuti satu upacara penting. Perhatikanlah dengan saksama dan engkau akan melihat bahawa kumpulan orang itu mempunyai seorang pemimpin yang mengetuai mereka. Mari kita pergi lebih dekat lagi dan berkenalan dengannya.

Lihatlah betapa gemerlapannya tanda-tanda jasa yang dimilikinya.²¹ Ianya lebih dari seribu buah. Betapa tegas dan yakin cara dia berbicara! Betapa ramahnya dia Bretutur! Dalam waktu lima belas hari yang lalu saya mempelajari sebahagian daripada apa yang diucapkan. Sekarang belajarlah dari sana. Dia membicarakan penguasa negara yang menakjubkan ini. Katanya Raja Yang Agung telah mengutusnyanya dan dia dapat membuat keajaiban-keajaiban yang sedemikian rupa sehingga ia memberi kesan yang mendalam bahawa dia adalah utusan yang terpilih oleh Raja itu.

Perhatikan betul-betul. Engkau akan melihat bahawa bukan makhluk-makhluk dari pulau itu sahaja yang mendengar kata-katanya. Dia membawa mereka melalui bentuk ghaib ke seluruh kerajaan kerana setiap orang berusaha dengan segala daya mendengarkan apa yang diucapkannya di sini. Bukan orang sahaja bahkan binatang juga turut mendengarnya. Gunung-ganang ikut mengendahkan perintah-perintahnya. Gunung-ganang tersebut tidak berganjak dari tempatnya sedang pohon-pohon kayu berganjak mengikut perintah. Dipancarkannya air di mana sahaja dia kehendaki dengan jari-jarinya dibuat seperti sebuah paip yang menyemburkan air dari syurga iaitu air munuman untuk

²⁰ Kapal merupakan kiasan sejarah. Pulau sebagai Nabi Muhammad s.a.w. Mulai dari panai gelap zaman ini, zaman peradaban yang liar dan keras, kita menempuh ke zaman yang memberi cahaya pada wajah waktu dan melenyapkan suasana gelap dari kekafiran dan bimbingan yang salah.

²¹ Seribu tanda jasa adalah mu'jizat Rasulullah s.a.w. yang menurut pakar yang menyelidikinya berjumlah sekurang-kurangnya seribu.

kehidupan manusia. Lampu²² dalam kubah yang megah di istana ini terbelah dua dengan perintah-Nya. Semua ini membuktikan bahawa semua makhluk yang ada di dalam kerajaan ini tahu akan tugasnya. Seolah-olah mengenalnya sebagai juru bicara yang terpilih dan jujur dari sesuatu yang tersembunyi dan ajaib, dan sebagai pesuruh yang dipercayai untuk menyebarkan perintah-perintah-Nya.

Setiap kata yang diucapkannya mendapat sambutan dari semua makhluk yang beraqal dan mendapat jawapan seperti, “Ya, ya betul, betul..!” Sesungguhnya semua gunung dan pohon kayu dalam kerajaan itu serta suluh besar yang menerangi kerajaan.²³ Masing-masing menundukkan kepala kepada perintah dan suruhan orang itu serta mengakui, ”Ya segala yang engkau katakan adalah benar!”.

Oleh itu wahai rakanku yang bingung! Apakah mungkin ada kesalahan dalam menyebutkan sesuatu yang ajaib dalam menghuraikan sifat-Nya dan menyebarkan perintah-perintah-Nya? Andaikata ada sesuatu yang tidak benar maka sudah tentu ada orang yang mengingkari istana dan suluh itu serta perbendaharaan dan segala sesuatu yang ada di dalamnya. Tunjuk jarimu jika engkau keberatan dan jika engkau berani. Saksikan bagaimana jarimu itu justeru akan membalik dan menusuk matamu sendiri!

BUKTI KEDUA BELAS

Wahai saudaraku! Engkau kini mula menampakkan kesedaran maka saya akan memperlihatkan kepadamu satu lagi bukti yang sama kuatnya dengan kesebelas bukti yang lalu. Pandanglah pernyataan gemilang yang telah turun dari langit yang ditonton oleh setiap orang dengan penuh perhatian kerana takjub dan hormat!²⁴

²² Lampu yang dimaksudkan ialah bulan. Dengan perintah-Nya ia terbelah menjadi dua. Seperti kata Maulana Jami, ”Orang yang tidak boleh membaca dan menulis, menulis huruf alif di halaman langit dengan jari-jemarinya. Dari angka 40 dibuatnya dua kali angka 50.” Ertinya sebelum bulan terbelah, ia merupakan huruf mim bulan sabit, masing-masing menggambarkan huruf nun yang mempunyai nilai sebanyak 50.

²³ Suluh merupakan kiasan kepada matahari. Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. tertidur dalam pangkuannya Imam Ali r.a. sehingga Imam Ali r.a. tidak dapat melakukan sembahyang. Tiba-tiba bumi berputar kembali dari timur sehingga matahari kelihatan semula. Berkat mu’jizat itu Imam Ali r.a. dapat menunaikan sembahyang Asar.

²⁴ Kenyataan gemilang tersebut adalah Al-Qur’an dan tandanya adalah kenyataan bahawa Al-Qur’an tidak dapat ditiru oleh sesiapa pun.

Utusan dengan ribuan hiasan berdiri di samping pernyataan itu dan menerangkan pengertiannya kepada seluruh umat. Ungkapan-ungkapan dalam pernyataan itu bersinar sehingga menarik pandangan setiap orang yang mengaguminya. Ia membicarakan hal-hal yang begitu penting kepada orang-orang yang mendengarnya. Ia mengumumkan satu demi persatu kebasaran, kelakuan, perintah dan sifat-sifat Yang Maha Kuasa yang mengatur alam ini, mencipta istana ini dan yang mewujudkan keajaiban-keajaiban ini. Kalau bentuk pertanyaan itu kesemuanya ibarat semboyan dan tiap baris dan kalimat terbukti tanda yang tak dapat ditiru, maka demikian pula kelihatan tanda Allah itu ditulis di atas semua kebenaran, kebijaksanaan, perintah dan kearifan pernyataan tersebut. Ringkasnya pernyataan unggul itu menunjukkan wujudnya Allah seperti adanya matahari. Sesiapa yang tidak buta boleh membuka matanya dan melihat matahari itu.

Oleh itu wahai sahabatku! Jika engkau telah sedar, maka itu adalah baik. Tetapi jika ada lagi perkara yang hendak engkau katakan, maka katakanlah!

Akhirnya orang yang keras kepala itu menjawab dengan insaf, “Maha Mulia Allah, saya percaya! Saya percaya sepenuh hati dan secerah mentari dan saya mengakui bahawa kerajaan ini hanya mempunyai satu Raja Sempurna. Bumi ini hanya mempunyai satu Tuhan Yang Maha Mulia. Dan istana ini hanya memiliki satu Pencipta. Semoga Allah memberkati engkau kerana telah mengubati saya dari kesesatan dan telah membebaskan saya dari pengingkaran yang lama. Setiap bukti yang engkau tunjukkan cukup membuktikan kebenaran yang sebenarnya. Saya mendengar setiap bukti dan setiap kali saya melihat terungkaplah pengetahuan yang semakin jernih, menyenangkan hati dan semakin sempurna. Dengan semakin banyaknya tirai yang dikuakkan itu, semakin banyaklah jendela kasih sayang dibuka!”

Maka lengkaplah sudah kisah perumpamaan kami yang membuktikan kebenaran ulung daripada keesaan Tuhan dan kepercayaan yang terselubung dalam kalimah, “ Saya percaya kepada Allah!”

8. PERCAYA KEPADA HARI AKHIRAT

Dalam bahagian ini kita akan meringkaskan sebahagian kecil mengenai manfaat percaya kepada akhirat dan keuntungan yang akan dinikmati kerananya, samada di dunia mahupun di akhirat.

Mengenai keuntungan yang dinikmati di akhirat, dalam Al-Qur'an telah diberikan keterangan yang tak perlu dijelaskan lagi. Hal itu kami serahkan sahaja kepada kitab suci Al-Qur'an. Kami akan membatasi diri dalam bab ini kepada kebahagiaan di dunia dan keuntungannya.

Secara ringkas kami akan menghuraikan beberapa akibat sikap percaya kepada akhirat penting untuk kehidupan sosial dan peribadi seseorang.

Pertama: Berlainan dengan haiwan, manusia tertarik kepada dunia seperti mana ia terikat kepada rumahtangganya. Oleh itu, maka dia akan memelihara hubungan yang sebaik-baiknya dengan sesama manusia dan juga dengan keluarga dan kaum kerabatnya. Dia ingin mempunyai satu kedudukan sementara yang kukuh dan jelas di dunia ini sebagaimana dia menginginkan tempat yang tetap dalam kerajaan abadi.

Sebagaimana dia berusaha untuk memuaskan perutnya dengan makanana, maka dia dipaksa oleh sikapnya berjuang untuk mendapatkan kecerdasan dan semangat yang tinggi. Keinginan serta tuntutan hati nuraninya adalah begitu kuat maka hanya kebahagiaan murni dan kekal yang dapat memuaskan rasa laparnya itu.

Sebagaimana disebutkan dalam "Kata Kesepuluh", saya pernah menyoal kepada daya imaginasi saya ketika saya masih kanak-kanak," Mahukah engkau dikurniakan hidup sejuta tahun dan menguasai dunia dalam masa yang lama untuk yang kemudiannya kamu akan dicampakkan ke dalam kebinasaan yang hampa? Atau engkau mendambakan hidup kekal tapi keras, hina, papa dan penuh derita?" Imaginasi saya menginginkan

pilihan yang kedua dan menolak pilihan yang pertama. Katanya,” Saya menginginkan hidup yang kekal abadi sekalipun di dalam azab neraka.”

Jika kesenangan duniawi tidak dapat memuaskan deri imajinasi yang merupakan hamba utama manusia, maka seluruh perkara yang menjadi dasar itu terjalin untuk mencari hubungannya dengan perkara-perkara yang kekal abadi kerana begitulah sifatnya.

Manusia berada dalam kekuasaan di atas keinginan-keinginan dan bermacam-macam harapannya yang tidak terbatas, tetapi kemampuannya hampir atau lansung tidak ada. Sebaliknya, kepercayaannya kepada hari kemudian begitu kuat, kaya dan berharga bagaikan sumber kebahagiaan tempat dia bernaung dan mencari perlindungan serta merupakan hiburan yang dapat mengubati penderitaan duniawi yang dialaminya terus-menerus. Semua itu bukan merupakan harga yang mahal, jika dia harus mengorbankan hidup untuk hikmah yang diperolehinya.

Kedua: Keuntungan dari percaya kepada akhirat ialah keuntungan bagi kehidupan peribadi. Akibat dari kepercayaan ini yang telah diterangkan dalam “Kata Ketiga” dan pada nota kaki “Bimbingan Untuk Pemuda” adalah penting sekali.

Kebimbangan yang paling besar yang dirasakan setiap orang ialah bagaimana ia memasuki saat kematiannya. Orang malang yang bersedia mengorbankan dirinya untuk rakannya menyangka bahawa ribuan, atau jutaan rakan telah dipisahkan dari dirinya dan dikirimkan ke tempat hukuman mati masing-masing. Ini menimbulkan rasa sakit kepadanya yang lebih parah dari seksaan neraka. Apabila dia memikirkan hal tersebut, muncul rasa percaya kepada hari kemudian dan matanya terbuka. Selubungnya pun terungkap. “Lihat!”, kata kepercayaan itu. Manusia yang melihat dengan penuh keyakinan menikmati kebahagiaan rohani sebagaimana dia menikmati kenikmatan di syurga yang akan datang dan menemui rakan-rakannya yang diselamatkan dari kematian dan kebusukan abadi, dan menantikan kedatangannya dalam dunia yang cemerlang dengan gembira. Kita akhiri hal ini sampai di sini kerana masalah ini telah dihuraikan di tempat lain dalam Risalah an-Nur dengan bukti-buktinya sekali.

Ketiga: Keuntungan lain jika percaya kepada akhirat masih lagi berkaitan dengan kehidupan peribadi. Manusia mempunyai kedudukan yang tinggi dan terhormat jika dibandingkan dengan makhluk lain di dunia ini. Dia memiliki pancaindera yang terpuji. Caranya memuja Tuhan banyak ragamnya dan bidang kegiatan serta kehidupannya luas sekali.

Manusia dapat memperolehi kebajikan-kebajikan seperti cinta, kehormatan, nama baik, persaudaraan dan perikemanusiaan yang murni hanya sepanjang dia hidup di dunia ini dan di masa kini, terpisah dari masa lalu yang gelap-mati mahupun masa hadapan yang samar-samar. Misalnya, seseorang mencintai dan ingin berbakti kepada ayah, saudara, isteri dan sesamanya, atau kepada tanah air yang pada masa lalu tidak dikenalnya dan di masa yang akan datang tidak dapat diramalnya. Kerana jarang sekali dia dapat memperlihatkan cinta dan ketulusan hatinya, maka fikirannya merasa risau dan dia tidak dapat mencapai kepuasan hati sepenuhnya. Jika dia bertindak di antara binatang-binatang dan jika kecerdasannya menjadikannya makhluk yang paling malang dan rendah darjatnya, maka dia hanya akan dapat ditolong dengan percaya kepada akhirat.

Keadaannya segera berubah kerana waktu yang terbatas dan sempit akan menjadi luas, kerana ia meliputi masa lalu dan masa yang akan datang. Pemandangan seluas dunia akan terbentang di hadapannya di sepanjang kurun waktu dari zaman sebelum abadi hingga ke zaman sempurna abadi. Dia mengetahui bahawa ayahnya tetap mempunyai ikatan kekeluargaan dengannya walaupun ayahnya itu telah meninggal dunia dan berada di kerajaan arwah. Dia mengetahui bahawa abangnya menyayanginya sebagai adik yang abadi, dan bahawa isterinya adalah rakan hidupnya yang tersayang di syurga kelak. Kerana dia sedar akan semua itu, maka dia mencintai, menghormati dan menyayangi mereka semua.

Dia akan melakukan bakti untuk memperkuat hubungan itu. Dia tidak akan mensia-siakan hubungan dengan mereka itu untuk perkara-perkara yang tidak penting dan tidak layak. Maka dia benar-benar dibimbing oleh ketaatan yang murni dan ketulusan

hati yang wajar. Moral kebajikannya akan meningkat dan demikian pula perkemaniaannya sesuai dengan tingkat manusia mendapatkan keperibadiannya.

Hasil dari semua ini ialah manusia yang kesenangannya di dalam dunia ini kurang dibandingkan kesenangan burung gereja, akan dimuliakan lebih dari haiwan. Dia menjadi tetamu yang beruntung dan terpilih dari segala makhluk ciptaan Tuhan Pencipta Alam.

Sampai di sini kita akhiri mengenai kepercayaan kepada hari akhirat kerana ia telah dibahas di tempat lain dengan bukti-bukti mencukupi di Risalah an-Nur.

Keempat: Keuntungan keempat dari percaya kepada akhirat berkaitan dengan kehidupan sosial manusia. Berikut ini adalah ringkasan yang dimuatkan dalam “Kata Kesembilan” dari Risalah an-Nur. Hanya kerana percaya kepada hari akhirat, maka kanak-kanak yang merupakan seperempat bahagian dari jumlah manusia seluruhnya dapat hidup secara manusiawi dan memiliki perikemaniaan. Jika tidak, maka untuk melupakan diri dan menghilangkan rasa cemas yang dihadapinya, kanak-kanak tersebut hanya berani hidup dengan mainan mereka sahaja. Kerana peristiwa kematian kanak-kanak sebaya mereka akan memberi kesan ke atas jiwa peka si anak serta ke atas dirinya yang menyimpan begitu banyak harapan yang indah pada masa hadapan. Padahal, sememangnya semangat tidak dapat membela diri sehingga kehidupan dan kecerdikannya akan menjadi alat seksaan bagi anak yang malang itu. Oleh itu, jika dia belajar untuk percaya kepada hari kiamat dan akhirat dan dia akan mengatakan, ”Abangku, rakanku meninggal dunia dan menjadi penghuni syurga. Dia lebih bahagia kini dan lebih banyak mainannya daripada kita. Ibuku pun telah meninggal dunia. Ibu mendapat keampunan Tuhan. Ibu akan memelukku dan mencintaiku di syurga dan aku akan bersama ibu lagi!” Dengan berkata begitu, dia akan mendapat kehidupan yang layak bagi seorang anak manusia.

Orang tua yang merupakan seperempat dari umat manusia di dunia dapat menghiburkan diri apabila mereka menghadapi sakratul maut dan akan meninggalkan dunia yang indah dan tercinta kerana mereka percaya kepada hari kemudian. Jika tidak kerana itu, maka bapa-bapa yang mulia dan ibu-ibu yang berbudi luhur itu akan

menderita lahir batin sehingga dunia terasa bagaikan penjara bagi mereka dan hidup ini bagaikan penyakit yang menyeksakan. Tetapi mereka yang percaya kepada hari akhirat akan membisikkan, “Jangan bimbang. Engkau akan mengalami masa muda yang kekal! Hidup yang cerah tanpa akhir menantimu. Engkau akan berkumpul dengan anak-anak dan saudara-saudara yang mendahuluiimu. Semua perbuatan baik yang pernah engkau lakukan akan dicatat dan engkau akan mendapat ganjarannya!” Maka percaya kepada akhirat menjadi penglipurlara sehingga andaikata perbuatan baik itu diperkecilkan sehingga seperseratus, nescaya bapa-bapa dan ibu-ibu tetap tidak merasa resah.

Adapun orang muda yang merupakan sepertiga umat manusia, asmara mereka sedang bergelajak hebat. Jiwa mereka bagaikan badai ribut yang sentiasa resah. Jika mereka hilang kepercayaan kepada hari akhirat dan lupa akan seksaan neraka serta tidak menghormati orang tua, nescaya mereka akan membahayakan kehidupan masyarakat ramai. Kadang-kala seorang pemuda merosakkan kebahagiaan rumahtangga sekadar untuk melepaskan hawa nafsu, kemudian dia terpaksa menderita di dalam penjara beberapa tahun lamanya. Dia telah melakukan kejahatan yang menjatuhkan darjatnya sehingga ke tingkat yang paling rendah iaitu setaraf dengan binatang liar. Jika dia diselamatkan oleh kerana percaya kepada akhirat, dia akan sedar dan berkata kepada dirinya sendiri,” Memang mata-mata kerajaan tidak melihat saya dan saya dapat bersembunyi. Akan tetapi malaikat-malaikat Tuhan Yang Maha Kuasa yang penjaranya adalah api neraka, mereka melihat dan memcatit semua perbuatanku yang jahat. Saya tidak dibiarkan sendiri. Saya ibarat seorang pedagang yang mempunyai pelbagai tugas. Lagipun saya akan menjadi orang tua seperti orang lain.” Dia mulai menghargai dan menghormati mereka yang tadinya akan menjadi mangsanya sekalipun tanpa sebarang dosa. Kerana masalah ini telah dihuraikan bersama pelbagai bukti dalam Risalah an-Nur, maka perbincangan kita akhiri sampai di sini sahaja.

Bahagian penting lainnya adalah berkaitan dengan kaum yang sakit dan tertindas. Di antara mereka adalah orang-orang seperti kita yang miskin dan menderita serta pernah dihukum penjara dengan kerja paksa.²⁵ Kalau mereka tidak dibantu dengan percaya

²⁵ Pada saat karya ini disusun (1944), Badiuzzaman dipenjarakan di Denizli menunggu sidang mahkamah yang mengadilinya kerana bermacam-macam tuduhan palsu.

kepada akhirat, maka sakratul maut yang terus-menerus mengingatkan mereka dalam bentuk kesakitan, pengkhianatan si penindas, musnahnya harta dan anak-anak dalam musibah dan penderitaan yang dialami kerana hukuman penjara, nescaya semua itu pasti menjadikan dunia berubah menjadi penjara yang sebenarnya bagi orang-orang yang malang ini. Hidup bagi mereka beerti penderitaan dan seksaan yang kejam. Namun jika mereka do bantu oleh percaya kepada akhirat, nescaya mereka akan menarik nafas lega kerana kecemasan, kebimbangan, kesengsaraan dan perasaan dendam mereka hilang lenyap, sesuai dengan tebal atau tipisnya keimanan mereka.

Saya dapat mengatakan jika percaya kepada hari akhirat tidak datang membantu saya, nescaya saya tidak akan sanggup memikul hukuman ini walaupun untuk sehari sahaja. Nasib malang yang hebat ini akan menimpa dan mengusik saya untuk melakukan hal-hal yang tidak patut. Berkat Allah Taala saya dapat mengatakan dan bersumpah bahawa percaya kepada akhirat memberi ketabahan untuk bertahan terhadap segala pukulan. Walaupun saya menderita sakit yang sama seperti saudara-saudara lain yang tercinta, walaupun saya menyesali hilangnya beribu-ribu naskah Risalah an-Nur, dan walaupun pada masa lalu saya tidak dapat menerima cemuhan orang, namun kini saya telah merasa kuat samada rohani mahupun jasmani, dan saya ingin menang supaya mendapat ganjaran dalam pertarungan ini. Saya menganggap diri sebagai pelajar dari sebuah sekolah teladan yang bernama “Sekolah Yusuf.”²⁶

Jika tidak kerana sakit atau kerana faktor usia, saya tentu bekerja lebih keras, mengajar lebih rajin dengan hati yang lebih tenteram. Saya telah menyimpang dari persoalan kita. Saya minta maaf.

Setiap orang merupakan dunia kecil. Rumahtangnya ibarat surat kecil. Jika rumahtangga itu tidak mengenal kepercayaan kepada akhirat, maka anggotanya akan menderita sesuai dengan banyak atau sedikitnya cinta kasih mereka. Syurga boleh menjadi neraka. Atau boleh jadi manusia membunuh perasaannya yang murni dan

²⁶ Kiasan bagi Nabi Yusuf a.s. yang dimasukkan ke dalam penjara kerana tuduhan palsu. Waktu berada dalam penjara adalah bermanfaat untuk menyemak kisah Nabi Yusuf a.s. ini.

mengejar hawa nafsu dan kesenangan belaka. Bagai burung unta melihat pemburu, kerana tidak boleh maka disembunyikan kepalanya ke dalam pasir dengan harapan si pemburu tidak melihatnya. Demikian pula manusia menyembunyikan kepalanya agar dia tidak melihat maut sedang mencari mangsa di sekitarnya. Cara yang aneh ini merupakan ubat untuk menenangkan pancainderanya selama beberapa waktu. Seorang ibu akan merasa cemas melihat anak kesayangannya menghadapi bahaya. Demikian pula anak-anak yang tak dapat menyelamatkan ayah dan saudara-saudaranya dari kemalangan yang tidak dapat dielakkan akan sentiasa merasa sedih dan prihatin.

Kehidupan keluarga yang dijangka penuh dengan kebahagiaan tidak lama kemudian akan berubah dalam dunia yang bergelajak dan situasi yang tidak stabil ini. Hubungan-hubungan dalam kehidupan yang singkat ini gagal melahirkan rasa sayang yang sesungguhnya, keikhlasan hati, cinta kasih dan kesediaan untuk berbakti. Malah sifat-sifat mulia itu akan berkurangan atau hilang sama sekali.

Akan tetapi jika kepercayaan kepada akhirat telah meresap ke dalam rumahtangga tersebut, nescaya akan nampak cahaya gemilang di dalamnya. Sifat-sifat mulia seperti rasa hormat yang tulus, cinta kasih, sopan santun, kesetiaan dan kesabaran akan berkembang. Hubungan dan daya tarikan rumahtangga akan menjadi kekal. Tidak diukur dengan kehidupan dunia yang singkat ini sahaja tetapi akan diteruskan sampai ke akhirat. Kebahagiaan hakiki mulai terasa dalam rumahtangga tersebut. Kerana masalah ini juga telah dihuraikan dalam Risalah an-Nur lengkap dengan bukti-buktinya, maka kita akhiri diskusi ini sampai di sini.

Setiap bandar adalah sama halnya dengan sebuah rumahtangga bagi penghuninya. Jika kepercayaan kepada hari akhirat tidak dimiliki oleh para penghuni rumahtangga besar itu, maka tempat yang menjadi dasar bagi sifat-sifat baik seperti kejujuran, ketaatan, kebajikan, maruah, pengorbanan, kepatuhan kepada perintah Tuhan dan gemar akan pahala di akhirat itu akan diganti oleh sifat-sifat tercela seperti pilih kasih, licik, egois, munafik, suka memberi dan menerima rasuah serta menipu. Di balik topeng dan peri kemanusiaan berlakulah anarki dan kebiadaban.

Kehidupan bandar telah diracuni. Anak-anak menjadi malas. Para pemuda suka minuman keras. Orang-orang berkuasa akan melakukan penindasan dan pemerasan dan para warga tua dibiarkan teronta-ronta.

Setiap negara juga dapat dianggap sebagai sebuah rumahtangga. Tanah air adalah bagaikan suatu rumahtangga besar yang dihuni oleh keluarga iaitu bangsa. Jika di dalam rumahtangga besar ini ada kepercayaan kepada akhirat, maka rasa hormat yang tulus, rasa kasihan yang sebenar, cinta yang tidak pilih kasih, keramahan, kesediaan menolong, kemurahan hati yang tidak dibuat-buat, kemuliaan tanpa egoisme dan sifat agung lainnya itu akan berkembang subur dalam negara tersebut. Kepercayaan demikian akan menyatakan kepada si anak, “ Di sana ada syurga. Oleh itu, tinggalkan sikap malas!” Dan mendorong sifat kesungguhan ke dalam jiwa anak tersebut dengan memberi pengajaran dari Al-Qu’ran. Kepada golongan anak muda kepercayaan itu berkata, “ Nun di sana ada syurga. Oleh itu tinggalkan kesukaanmu bermabuk-mabukan!” Dan kepada si penindas kepercayaan itu berkata, “ Seksaan menantimu. Engkau akan dipukul!” Maka si penindas menundukkan kepala dan menyerahkan diri kepada keadilan. Kepercayaan itu juga berkata kepada kaum warga tua,” Kebahagiaan di kahirat, usia yang kembali muda dan kekal abadi dan kesenangan yang lebih daripada yang telah engkau rasakan di dunia akan menjadi milikmu semua di akhirat sana. Oleh itu berusahalah untuk memperoleohnya!” Maka kesedihan mereka pun lenyap dan air mata mereka berganti menjadi gelak ketawa.

Percaya kepada akhirat mempunyai kesan yang baik ke atas golongan-golongan lain, samada besar mahupun kecil. Wajah setiap orang carah kerananya. Para ahli sosiologi dan kaum moralis yang mempelajari kehidupan sosial akan terbangun dari tidurnya! Jika kita menarik kesimpulan dari contoh-contoh di atas bahawa ribuan keuntungan akan diperolehi kerana percaya pada akhirat itu, maka jelaslah bahawa punca kebahagiaan dalam dua kehidupan ini adalah pada kepercayaan itu semata-mata.

Kerana keraguan manusia dalam hubungannya dengan kebangkitan materialistik telah mendapat jawapan yang tegas dalam “Kata Kedua Puluh Lapan” dan lain-lain bahagian dalam Risalah an-Nur, maka saya membincangkan perihal subjek itu sedikit sahaja di sini.

Pencerminan yang menyeluruh dari sifat-sifat Tuhan yang luas terdiri pada sifat-sifat lahiriah dan maksud Ilahi yang paling aktif yang berkenaan dengan penciptaan manusia adalah seperti badan. Rahmat Tuhan yang beraneka ragam dapat ditemukan dalam benda, benih-benih doa dan pengabdian manusia kepada Yang Maha Pencipta yang diucapkan dengan nada yang sangat memohon bantuan, telah disebarikan di dalam sebuah badan. Benih-benih yang begitu banyak jenisnya dari alam batin telah ditempatkan pula dalam satu badan.

Oleh kerana hal ini da ratusan perihal kebenaran universal yang sama difokuskan dalam benda, maka Yang Maha Pencipta Lagi Arif telah memasukkan jasad berkhalifah dengan begitu banyak dalam berbagai badan dengan kepantasan yang luar biasa. Hal itu dilakukan agar benda dan badan di muka bumi ini berlipat ganda dan menunjukkan manifestasi dari kebenaran-kebenaran yang terkandung di dalam benda.

Dia mengirim khafilah-khafilah itu ke tempat yang diwujudkan manifestasi kemudian Dia menyuraikan dan menggantikan mereka. Berkat Dia maka bengkel itu terus beroperasi tanpa henti. Dia meningkatkan hasil benda. Dia mengubah negeri menjadi tapak semaian pohon-pohon muda untuk menyemarakkan hari kemudian dan syurga.

Dia menyajikan bahan santapan yang paling lazat dan pemberian yang paling berharga dalam jumlah yang tidak terhad dan bentuk indah yang mengenyangkan perut manusia. Fakta ini dengan jelas dan tegasnya menunjukkan bahawa pada hari kemudian kenikmatan yang paling banyak ragamnya akan diwujudkan berupa benda yang paling disukai, diinginkan dan menarik hati.

Mungkinkah Allah Yang Maha Kuasa, Maha Penyayang, Maha Mengetahui menerima doa yang keluar dari perut dan memberikan hadiah makanan yang menakjubkan dalam jumlah jenis yang tidak terhad, yang mana dengan demikian doa itu terjawab secara konsisten dan dengan sengaja – mungkinkah Dia tidak menerima doa sejagat dari perut umat manusia, hasil ulung daripada penciptaan Penguasa di bumi, hamba terpilih dan pemuja Yang Maha Pencipta! – kerana yang terus memberikan kenikmatan di akhirat berupa doa itu tidak mendapat jawapan dengan kebangkitan kembali secara badaniah, atautah manusia selama-lamanya tidak perlu diberi kesenangan?

Hal itu dapat diibaratkan seperti oran yang mendengar bunyi seekor nyamuk terbang tetapi tidak boleh mendengar bunyi kilat. Itu beerti memberi perhatian yang serius kepada kelengkapan seorang askar biasa tetapi meremehkan kelengkapan seluruhnya. Ini jelas tidak mungkin.

“Di dalam syurga itu terdapat segala apa yang ddingini oleh hati dan sedap dipandang mata.” (Surah az-Zukhruf: 71)

Menurut keterangan ayat ini, manusia akan merasakan dengan cara tersendiri seperti di syurga kenikmatan badaniah yang biasa dinikmatinya di dunia ini. Balasan dari ucapan terima kasih yang tulus ikhlas dan ganjaran kerana pengabdian yang dilakukan oleh organ tubuhnya seperti lidah, mata, telinga akan diberikan dalam bentuk kenikmatan yang sesuai dengan organ yang berkenaan.

Al-Qur’an menjelaskan kenikmatan batin dengan cara khas yang tidak mungkin untuk ditolak ertinya dengan menggunakan tafsiran lain.

Buah hasil kepercayaan kepada akhirat menunjukkan bahawa sebagaimana sifat dan keperluan perut manusia yang dengan pasti menunjukkan perlunya makanan bagi manusia, maka demikian pula sifat manusia yang sebenarnya. Mutu, keperluan alamiah

dan keinginan abadi dan potensi serta kebenaran yang ada pada manusia itu menuntut buah hasil yang disebut di atas berdasarkan adanya kepercayaan kepada akhirat. Semua itu menunjukkan adanya akhirat, syurga dan kenikmatan yang abadi. Maka penyempurnaan ciptaan yang penting, tanda-tanda yang tampak pada alam semesta dan semua kebenaran yang berkaitan dengan kebenaran yang disebut sebelumnya, kesemuanya itu menunjukkan dan menjadi saksi adanya kehidupan di akhirat, masa hadapan dan hari kebangkitan. Setelah itu menyusul pembukaan pintu syurga dan neraka. Semua itu dilengkapi dengan contoh-contoh dan bukti-bukti yang terang dalam Risalah an-Nur sehingga semua itu tidak menimbulkan keraguan. Khususnya dalam “Kata Kesepuluh”, “Kata Kedua Puluh lapan” dan “Kata Kedua Puluh Sembilan” dalam bab “Sinar Kesembilan” dan dalam “Laporan Tentang Permohonan”. Kita menyerahkan huraian kepada yang bersangkutan dan memotong cerita panjang ini sampai di sini.

Adapun penjelasan Al-Qur’an mengenai neraka, penjelasan itu tegas dan tidak memerlukan tambahan lainnya. Akan tetapi ada beberapa keraguan yang perlu diteliti. Suatu pernyataan yang terperinci akan dimasukkan ke bahagian-bahagian yang lain dari Risalah an-Nur, dan berikut ini saya hanya meringkaskannya sahaja.

Butir pertama: Pemikiran tentang neraka dan perasaan takut akan masuk neraka tidak menghilangkan keinginan manikmati hasil kepercayaan kerana kemurahan hati Yang Maha Kuasa berkata kepada orang yang cemas, “Sila masuk melalui pintu taubat. Wujudnya neraka tidak menakutkan engkau malah ia menerangkan kepadamu dengan sejelas-jelasnya akan kenikmatan yang wujud di dalam syurga. Ia bermaksud menyenangkan hatimu kerana engkau dapat melihat dirimu dan orang-orang lain yang haknya dinafikan sebagai balasan terhadap mereka yang menindasmu. Jika engkau tenggelam dalam kebimbangan yang salah dan tidak dapat keluar dari lumpur, maka wujudnya neraka adalah jauh lebih baik bagimu dari pembinaan yang abadi. Sesungguhnya masa itu juga merupakan bentuk rahmat buat orang kafir. Kerana manusia juga seperti haiwan yang beranak-pinak mendapat kebahagiaan kerana bahagiannya keluarga, rakan dan anak cucu mereka. Wahai kaum Atheis! Kerana bimbinganmu yang salah, kalian dikorbankan untuk dibinasakan secara mutlak. Semua kaum keluarga yang

engkau cintai dan engkau kongsi suka-duka juga akan ikut binasa bersamamu. Ini akan menghanguskan jiwamu, semangatmu, jiwamu dan seluruh peribadaimu lebih dari api neraka. Tanpa neraka pasti tidak ada syurga. Semua itu akan membakarmu sampai hangus kerana kekafiranmu.

Jika engkau masuk neraka, engkau masih hidup. Tetapi sanak-saudara yang engkau cintai mungkin berada dalam syurga kerana mendapat belas kasihan Tuhan. Ringkasnya, dilihat dari semua segi engkau harus memilih alternatif ini: Kalau tidak memilih neraka beerti memilih diri rosak binasa. Ertinya sama sahaja dengan menafikan keselamatan sanak-saudaramu.

Neraka adalah tempat yang anggun tetapi menggerunkan. Fungsinya adalah bagaikan penjara yang mengurus secara adil dan bijaksana dari Yang Maha Pengampun. Di samping fungsi tersebut, ia juga masih mempunyai fungsi-fungsi lain, misalnya sebagai tempat menginapnya banyak makhluk hidup seperti para malaikat.

Bukti kedua: Adanya neraka dan seksaan tidaklah bertentangan dengan belas kasihan, keadilan dan kebijaksanaan Allah Taala. Malah justeru rahmat, keadilan dan kebijaksanaan Tuhanlah yang mengkehendaki adanya neraka. Kerana menghukum orang-orang yang menindas hak ribuan orang yang tidak bersalah dan mematikan binatang buas yang telah memangsa ratusan binatang yang tidak berdaya merupakan suatu bentuk rahmat bagi makhluk-makhluk yang tertindas itu. Keadilah telah dilaksanakan dengan cara wajar. Sebaliknya, jika si penindas itu diberi ampun dan si binatang buas itu dibiarkan bermaharajalela, amka itu hanya beerti menunjukkan belas kasihan kepada penjahat tersebut. Demikian pula orang kafir masuk neraka kerana sikap kufurnya. Dia telah melanggar hak-hak mereka yang menjadi saksi akan nama-nama Tuhan. Kerana dia menolaknya, maka dia melanggar hak-hak orang-orang tersebut yang memuja Tuhan seru sekalian alam dengan menolak fungsi dan tugas mereka. Dia juga melanggar hak seluruh alam semesta dengan jalan mengingkari fungsinya untuk mencerminkan kewujudan Tuhan yang merupakan matlamat penciptaan dan sebagai penyebab dari semua yang ada dan pengekalannya. Semua ini merupakan kejahatan dan dosa berat yang tidak boleh

diampuni. Orang yang berdosa itu patut diancam dengan ancaman yang disebut di dalam ayat berikut:

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik.” (Surah an-Nisa’: 48)

Tidak akan masuk orang itu ke dalam syurga beerti merupakan tindakan mengasihani yang tidak pada tempatnya dan beerti tidak memberi ampun kepada beratus-ratus orang yang tidak bersalah yang haknya dirampas. Oleh itu para pendakwa menuntut supaya neraka disediakan dan supaya neraka itu bersifat hebat dan dasyat sekali.

Jika seorang yang sombong dan zalim menindas rakyat dan menghina kehormatan para penegak hukum dengan berkata, “ Engkau tidak boleh memasukkan saya ke dalam penjara atau menyediakan penjara bagi saya,” maka meskipun bandar itu tidak mempunyai penjara, hakim pasti menyuruh supaya penjara segera dibina agar penjahat yang kurang ajar itu dapat segera dimasukkan ke dalamnya. Si kafir yang tidak mahu bertaubat dan menghina Allah Yang Maha Kuasa dengan kekafirannya serta menentang Allah dengan keingkarannya itu, andaikata neraka tidak diciptakan untuk berbagai fungsi dan kegunaan, maka merupakan kekuasaan Allah untuk setidak-tidaknya menciptakan neraka itu bagi orang kafir tersebut.

Sifat kekafiran itu sendiri mengandungi idea wujudnya neraka. Jika sifat kepercayaan harus mengambil sifat lahiriah, ia akan merupakan syurga kecil yang lengkap dengan segala kesenangannya yang menunjukkan wujudnya syurga. Sebaliknya kekafiran (terutamanya kekafiran mutlak), kemunafikan dan pengingkaran mengandungi seksaan yang dasyat dan mengerikan sehingga jika ia berbentuk lahiriah, pasti berupa neraka yang dikhaskan bagi mereka yang ingkar terhadap agama dan pada gilirannya menerangkan wujudnya neraka tersebut. Sebagaimana kebenaran dan kenyataan yang disebarkan akan tumbuh menjadi pohon zaqqum yang menandakan wujudnya neraka. “Saya adalah zat yang membentuk zaqqum”, katanya “dan buah saya adalah contoh

pohon zaqqum yang ditakdirkan untuk orang malang yang menyimpanku di dalam hatinya.”

Jika kekafiran merupakan pemerkosaan pelbagai hak maka ia adalah kejahatan yang mempunyai skop luas sehingga layak diberi hukuman yang sama luasnya. Jika rasa keadilan seseorang dapat menerima dan menganggap hukuman penjara lima belas tahun (hampir lapan juta minit) sebagai suatu hal yang layak demi kepentingan masyarakat untuk suatu pembunuhan dan ianya harus dihukum dengan seksaan yang lamanya lapan puluh juta minit.

Demikian pula halnya dengan orang yang selama satu tahun hidup dalam kekafiran sudah sewajarnya dibalas dengan seksaan selama kira-kira dua trillion lapan ratus lapan puluh juta minit. Dan firman Tuhan berikut perlu didenagungkan ke telinganya:

“Mereka kekal di dalam neraka selama-lamanya.” (Surah al-Bayyinah: 8)

Keterangan-keterangan yang menakjubkan tentang syurga dan neraka yang tercantum dalam kitab suci Al-Qur’an serta bukti kewujudan syurga dan neraka yang ditemukan dalam Risalah an-Nur yang merupakan tafsiran Al-Qur’an itu perlu diulas lebih lanjut.

“Dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata):
“Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau,
maka peliharalah kami dari seksa neraka.” (Surah Al-Imran: 191)

“Ya Tuhan kami, jauhkanlah azab Jahannam dari kami, sesungguhnya azabnya itu
adalah kebinasaan yang kekal.” (Surah Al-Furqan:65)

Isi ayat seperti di atas diambil, doa berikut disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.
dan nabi-nabi lain:

“Lindungilah kami dari api neraka
Selamatkanlah kami dari api neraka
Bebaskan kami dari api neraka

Dan doa yang sentiasa mereka ulang, “ Lindungilah kami dari api neraka.“ Semua
itu menunjukkan bahawa azam paling utama dari manusia adalah bahawa ia ingin
dijauhkan dari seksaan neraka.

Neraka adalah sesuatu yang dasyat dan menakutkan semua makhluk. Sebahagian
orang melihat dan menyedarinya secara langsung. Sebahagian lagi mengetahuinya hanya
kerana ia meninggalkan jejak dan bayang-bayang sehingga mereka menjadi cemas
kerananya dan menjerit, “ Bebeskan kami!”

Ya, pertentangan antara baik dan buruk, senang dan susah, panas dan sejuk, cantik
dan jelek dan antara bimbingan yang betul dan yang salah, diilhami oleh maksud yang
agung dan bijak. Jika tidak ada keburukan, maka kebaikan tidak akan wujud. Jika tidak
ada sakit, maka orang tidak akan merasai nikmat sihat. Jika tidak ada gelap, tidak akan

berharga. Panas hanya dapat dipastikan jika seseorang itu kenal sejuk. Sesuatu dapat dianggap jelek kerana orang mengetahui apa erti cantik atau bagus dan itu mempunyai banyak peringkat.

Demikian hanya dengan neraka. Banyak kenikmatan yang diperolehi di syurga akan tetap tidak kenal jika tidak mengenal neraka. Pada umumnya dapat dikatakan bahawa segala sesuatu dikenali kerana kita mengetahui lawannya. Dan dari satu kebenaran dapat tumbuh banyak kebenaran.

Segala gejala rumit harus bertolak dari kerajaan sementara menuju kerajaan yang kekal abadi. Hal-hal seperti kebaikan, kesenangan, keringanan, kebagusan, kepercayaan, kejahatan, kesakitan, kegelapan, kejelekan dan kekafiran ditujukan ke neraka. Arus yang terus-menerus dari semua makhluk masuk ke dalam dua kolam ini dan mengendap di sana. Huraian kami sampai di sini sahaja dan pembaca kami persila membaca butir-butir yang kami simpulkan pada akhir “ Kata Ke Dua Puluh Sembilan”.

Wahai sahabat-sahabatku! Jalan yang mudah untuk lari dari penjara neraka dasyat dan mengerikan telah tersedia di hadapan mata kita. Kita boleh menggunakan kesempatan dimasukkan ke dalam penjara dunia ini untuk bertaubat dari dosa kita yang telah silam (dan setidak-tidaknya kita dicegah untuk membuat dosa-dosa baru), iaitu dengan menjalankan kewajipan agama kita. Dengan menggantikan setiap jam dalam kehidupan kita di penjara ini dengan sehari penuh dengan kebaktian, maka ini beerti kita telah membebaskan diri kita dari penjara abadi dan kita masuk ke syurga. Jika kita tidak menggunakan kesempatan ini maka kita akan menderita di dunia ini dan di akhirat kelak.

“Rugi dunia dan akhirat.”

Itulah kerugian yang nyata dan akan memukul muka kita!

Manakala saya menulis kata-kata ini, Hari Raya Aidil Adha tiba. Terbayang olehku laungan takbir “Allahu Akbar” tiga kali yang berkumandang oleh 300 juta rakyat.

Ia bergema di bumi yang luas. Seolah-olah ia menyampaikan pekikan itu kepada semua rakan-rakan di manapun mereka berada. Laungan “Allahu Akbar” di Arafah pada Hari Raya Aidil Adha dilafazkan oleh lebih dari 20,000 musafir. Pengumuman kalimah suci Allahu Akbar telah disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. bersama keluarganya dan para sahabat beliau sejak seribu tiga ratus tahun yang lalu. Bagiku ucapan Allahu Akbar rasanya ibarat gema manifestasi universal Tuhan Yang Maha Kuasa yang dinyatakan dengan:

“Tuhan bumi dan Tuhan seru sekalian alam.”

Bagaikan jawapan dunia perhambaan ke atas manifestasi ini.

Teringat olehku bahawa ayat ini ada hubungannya dengan masalah yang kita bicarakan. Tiba-tiba terlintas di fikiran bahawa semua kalimah suci yang dinamakan perbuatan yang baik didahului dengan Allahu Akbar dan meliputi

“Maha Suci Allah. Segala puji bagi Allah. Tiada Tuhan selain Allah”

benar-benar berisi petunjuk terhadap masalah yang kita bicarakan dengan realisasinya. Satu bahagian erti “Allahu Akbar” misalnya, bermaksud bahawa kekuasaan dan pengetahuan Tuhan lebih besar dan lebih mulia dari yang lainnya. Tidak ada yang dapat dibebaskan dari jangkauan kekuasaan-Nya. Tuhan itu lebih besar dari apapun yang besar lagi kita takuti. Dia lebih besar dari kebangkitan yang disebabkan oleh-Nya. Dia lebih agung dari apapun yang tidak masuk akal kerana menurut erti ayat berikut:

“Tidaklah Allah menciptakan dan membangkitkan kamu (dari dalam kubur) itu melainkan hanyalah seperti (menciptakan dan membangkitkan) satu jiwa sahaja!”
(Surah Luqman: 28)

Demikianlah mengumpulkan dan membangkitkan seluruh umat manusia bagi Allah sama mudahnya seperti menciptakan satu jiwa.

Berdasarkan kebenaran inilah maka bilamana menghadapi kemalangan dan kecelakaan orang-orang akan mengucapkan “Allahu Akbar” – Allah Yang Maha Besar agar mendapat hiburan dan kekuatan kerananya.

Dalam “Kata Ke Dua Puluh Sembilan” ditunjukkan bahawa kalimat ini bersama temannya yang dua, adalah seperti benih dan inti doa yang pada gilirannya merupakan petunjuk bagi bentuk-bentuk pujian. Ketiga kalimah ini muncul dalam doa tersebut. Kalimah-kalimat tersebut merupakan jawapan yang meyakinkan ke atas pertanyaan-pertanyaan yang muncul kerana merasa kehairanan, kesenangan dan kegemparan sebab dia melihat peristiwa dan gejala yang indah dan ajaib yang tersimpan di alam semesta.

Pada akhir “Kata Keenam Belas” kami menerangkan juga bahawa seorang hamba pada pesta-pesta mengumumkan kedatangan seorang raja sama seperti mengumumkan kedatangan seorang tangan kanan kerajaan. Tetapi pada kesempatan lain ia akan memberikan penghormatan yang layak bagi kedudukan masing-masing. Demikian pula setiap orang diperlakukan sama dengan yang lain pada waktu melakukan ibadah haji. Dia mengenal Tuhan dengan menggelar-Nya sebagai:

“Tuhan bumi dan Tuhan seru sekalian alam.”

Makin lama makin jelas perbezaan jawatan-jawatan itu dan ia apat menjawab semua pertanyaan yang diulang dengan bersemangat dengan hanya mengucapkan “Allahu Akbar”.

Pada akhir “Kata Ketiga Belas” juga telah diterangkan bahawa jawapan pasti yang harus diberikan kepada tipu daya iblis adalah ucapan “Allahu Akbar”, nescaya iblis itu akan berhenti dengan segera.

Demikian pula dengan kalimah “Alhamdulillah” adalah suatu jawapan yang singkat tetapi meyakinkan ke atas setiap pertanyaan tentang hari akhirat dan suatu petunjuk kepada pembangkitan kerana dia mengatakan,” Saya tidak mempunyai erti jika tiada akhirat. Dari sesiapaupun pujian, untuk sesiapaupun pujian itu, mulai dari masa sebelum dan sesudah kekal hingga ke zaman yang kekal abadi semua itu adalah kepunyaan-Nya! Kurnia yang paling tinggi yang membuatnya menjadi anugerah murni dan yang menyelamatkan semua makhluk dari malapetaka dan berbagai kerosakan tiada lain hanyalah kebahagiaan yang abadi.”

Setiap orang yang beriman mengucapkan “Alhamdulillah” sesuai dengan syari’at agama, sekurang-kurangnya seratus lima puluh kali dalam sehari. Ia mengungkapkan rasa terima kasih dan syukur yang luas dan tak terbatas. Oleh kerana itu, ia ibarat harga yang telah dibayar dan bonus yang ditawarkan kerana menginginkan kebahagiaan kekal dan syurga yang abadi. Ia tidak dapat dibatasi pada kurnia duniawi yang dicemari oleh rasa ngeri. Lebih banyak lagi terima kasih dan salam ditawarkan kepada mereka selama mereka menantikan kedatangan kurnia yang abadi itu.

Adapun kalimah suci “Subhanallah” yang mengisytiharkan Allah Yang Maha Kuasa, Yang Tidak Bersekutu, tidak cacat, Yang Adil, Maha Kuasa, Yang Pengasih Lagi Maha Penyayang. Kalimah ini membuktikan adanya kurnia abadi di akhirat dan di syurga sebagaimana yang telah dibuktikan.

Ketiga-tiga kalimah ini iaitu “Allahu Akbar”, “Alhamdulillah” dan “Subhanallah” dan kalimah-kalimah lain seperti “ Bismillahi wala ilaaha illAllah” adalah intisari kepercayaan dan kebenaran Al-Qur’an bagaikan makanan terpadu yang dihidangkan kepada kita.

Ketiga ucapan ini adalah benih doa, benih Al-Qur’an, sumber kebenaran dan juga merupakan benih Risalah an-Nur yang bahagian-bahagiannya sering dimulai dengan kalimah-kalimah tersebut. Nabi Muhammad s.a.w. menggalakkan ketiga-tiga kalimah itu

diucapkan setelah sembahyang dalam jama'ah besar yang terdiri dari seratus ribu lebih kaum mukminin dan diucapkan sebanyak tiga puluh tiga kali dengan tasbih di tangan.

Engkau kini mengerti betapa berharganya zikir itu apalagi jika diucapkan dalam lingkungan kaum mukminin sebanyak itu.

Sebagaimana “Topik Pertama” yang menghuraikan bahagian Risalah an-Nur ini memberi ajaran doa yang indah, maka saya akhiri huraian ini dengan kalimah berikut:

“Segala puji bagi Allah di atas kenikmatan yang diberikan-Nya.

Maha Suci Engkau. Tiada ilmu bagi kami melainkan apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkau adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

9. KEWAJIPAN SEMBAHYANG

“Sesungguhnya sembahyang itu adalah kewajiban yang ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman.” (Surah an-Nisa’: 103)

Seorang yang telah lanjut usia, mempunyai kedudukan dan pangkat yang tinggi pernah berkata kepada saya, “Sembahyang itu baik. Akan tetapi sembahyang lima kali sehari itu terlalu banyak. Tidakkah ianya akan melahirkan rasa jemu?”

Beberapa lama setelah dia bercakap, saya mendengarkan suara hati saya. Ternyata saya pun mendengar kata-kata yang sama dan menerima arahan yang sama dari iblis. Maka saya pun mengerti bahawa orang itu bercakap atas dasar peringkat jiwa yang paling rendah.

Saya berkata dalam hati, ”Jiwaku memerintahkan aku berbuat jahat. Kita tidak boleh merubah orang lain selama kita tidak boleh mengendalikan diri sendiri. Oleh itu sebaiknya aku mulai dengan diri sendiri.”

Saya masih berkata dalam hati,” Wahai jiwa! Akan kekalkah hidupmu? Apakah engkau mempunyai jaminan tertulis bahawa negkau akan hidup sampai esok hari? Yang menyebabkan engkau merasa jemu bersembahyang adalah ilusi yang mengatakan bahawa engkau tidak pernah mati. Engkau mahu terus bersenang-senang seolah-olah engkau akan hidup selama-lamanya. Tetapi jika engkau mengetahui bahawa umurmu pendek, maka menggunakan masa satu jam sahaja untuk berbakti kepada Tuhan Yang Maha Esa akan mengilhamimu dan memberi gairah kepadamu kehidupanmu kerana engkau akan menjalani kehidupan yang bahagia dan damai.

Nasihat kedua: Wahai jiwa yang hanya berbakti untuk perut sahaja! Tidakkah engkau yang makan dan minum setiap hari, bernafas setiap saat, hari demi hari, bulan demi bulan dan tahun demi tahun tidak merasa jemu walau sekali? Engkau senang kerana keperluan makan dan minum serta udara segar selalu dipenuhi. Maka sembahyang juga

semestinya tidak membosankanmu kerana ia memberi santapan untuk sesama organ yang mendiami badanmu. Ia bagaikan makanan untuk jantungku, air kehidupan bagi rohku dan hembusan angin segar untuk ragaku. Kekuatan yang diperlukan jantungku yang terancam oleh berbagai rasa kesal, rasa sakit dan juga tergila-gila kepada bermacam-macam keinginan, kekuatan itu diperolehi hanya dengan cara mengetuk pintu Yang Maha Kuasa dan Maha Pemurah. Air kehidupan yang diperlukan jiwa yang terus-menerus meratapi kembalinya manusia ke sisi Allah hanya dapat diteguk dengan cara melakukan sembahyang dan mencapai kebahagiaan Allah Taala.

Misteri manusia yang dikurniakan pancaindera mengetahui dan memuji yang sifatnya mencari kekal dan sememangnya diciptakan untuk hidup kekal abadi, yang menjadi cermin dari makhluk yang abadi dan halus sekali, semua itu perlu bernafas sekalipun berada alam dunia yang kasar dan keras, yang menindas dan menyakitkan. Dan ia baru dapat bernafas apabila tingkap sembahyang dibuka.

Nasihat ketiga: Wahai jiwa yang tidak sabar! Masuk akalkah jika engkau fikirkan kembali apa yang engkau kerjakan di masa lalu iaitu dengan susah payah melakukan sembahyang? Atau masuk akalkah jika engkau membayangkan dan menantikan tugas beribadah dan kewajipan sembahyang yang engkau hadapi di masa hadapan?

Dalam ketidak sabaran itu engkau mirip seorang panglima tentera yang bingung, yang tenteranya di bahagian sayap kanan sedang bertempur dengan sayap kanan musuh yang kucar-kacir. Semestinya ia merupakan kemenangan. Tetapi kerana salah perkiraan maka sebahagian tentera bahagian tengah diperintahkan ke sayap kanan pula. Lebih celaka lagi, bahagian tentera di bahagian tengah dikirimkannya pula ke sayap kiri, walhal musuh tidak ada di bahagian itu. Akibatnya, bahagian tengah tenteranya menjadi lemah kerana kekuatannya berkurangan. Musuh yang mengerti situasi itu lalu menyerang bahagian tengah sehingga porak-peranda. Demikianlah keadaan mentalmu! Usaha di masa lalu berubah menjadi belas kasihan. Rasa sakitnya telah hilang; tinggal rasa senangnya sahaja. Susah payahnya berubah menjadi rasa syukur.

Orang tidak akan merasa jemu. Malah mereka akan sentiasa merasa ghairah dan membulatkan tekad untuk bertahan. Sebaliknya kerana masa hadapan belum tiba, maka memikirkannya sejak sekarang adalah tidak rasional. Seperti membayangkan rasa haus dan lapar lalu menangisi dan meratapinya sekarang.

Maka jika kamu mengerti, fikirkan sahaja baktimu kini dan berjanjilah, "Saya berjanji akan meluangkan masa satu jam hari ini untuk berbakti kepada Allah dengan bakti yang sebaik-baiknya sehingga mendapat pahala." Nescaya apa yang terasa pahit dan meleihkan akan menjadi manis dan menyenangkan.

Wahai jiwa yang tidak sabar! Ada tiga macam kesabaran yang mesti engkau pikul iaitu:

Pertama - sabar dalam menjalankan ibadah dan taqwa.

Kedua – sabar dalam erti jangan melakukan perkara yang melanggar perintah.

Ketiga – sabar dalam menghadapi kemalangan dan musibah.

Jika engkau faham terimalah kebenaran nasihat terakhir ini. Katakanlah dengan penuh keberanian, " Ya Allah Yang Maha Sabar!" lalu mintalah bantuan Tuhan Yang Maha Esa dan bersedialah memikul ketiga bentuk kesabaran itu. Jika engkau tidak mensia-siakan kekuatan yang dikurniakan Tuhan kepadamu, maka kesabaran itu cukup kuat untuk mengimbangi semua kesulitan dan kesusahan.

Nasihat keempat: Wahai jiwa yang runsing! Tidakkah kewajipan mengabdikan itu berharga dalam pandanganmu? Apakah balasannya tidak mencukupi sehingga timbul rasa jemu pada dirimu? Jika seseorang menjanjikan wang pemberian kepadamu atau ia menakut-nakutimu, mungkin engkau akan bekerja sampai larut malam tanpa mengenal rasa penat. Mendirikan sembahyang itu ada matlamatnya. Ia memberi makan untuk hatimu yang lemah. Ia memberi cahaya dan santapan apabila engkau berhenti dalam perjalanan penjangmu di liang lahad. Doa dan sembahyang adalah ibarat surat berharga. Ibarat surat wasiat dalam tanganmu pada hari kebangkitan nanti. Ia akan menjadi lampu bagimu apabila kemu diwajibkan menyeberangi jambatan Siratul Mustaqim! Jika orang

menjanjikanmu hadiah seratus lira emas, maka ia dapat memerintahkanmu bekerja selama seratus hari. Mungkin ia tidak menepati janjinya akan tetapi engkau mempercayainya dan engkau terus bekerja. Apakah tidak timbul di fikiranmu bahawa Tuhan yang tidak mungkin mungkir janji itu menjanjikan suatu hadiah kepadamu, lalu membuatmu bekerja untuk suatu pekerjaan yang menyenangkan dan meminta waktumu sesaat sahaja, apakah kamu tidak terfikir bahawa kamu mesti dihukum jika gagal dalam berbakti kepada-Nya? Jika engkau meremehkan hadiah yang diberikan-Nya kepadamu malah engkau meragui-Nya, apakah Dia akan menepati janji-Nya? Bilamana engkau bekerja untuk menghindari seksaan penjara di dalam dunia fana ini tidakkah seksaan penjara yang kekal abadi di neraka membimbingmu untuk bersiap sedia melakukan pekerjaan yang ringan dan menyenangkan itu?

Nasihat kelima: Wahai jiwa yang terperangkap dalam pengabdian dunia! Mungkin engkau jemu mengabdikan dan enggan mendirikan sembahyang kerana memikirkan keduniaan. Atau mungkin engkau sibuk bekerja mencari nafkah sehingga tidak mempunyai masa untuk sembahyang. Apakah engkau dilahirkan semata-mata untuk mengabdikan kepada dunia sahaja? Engkau sedar bahawa di suatu sudut engkau lebih unggul dari makhluk lain akan tetapi di sudut yang lain engkau kurang mahir. Jika demikian mengapa engkau tidak mengerti bahawa tugasmu yang sesungguhnya bukanlah bekerja seperti haiwan? Engkau harus berusaha mencapai satu kehidupan yang benar dan kekal seperti layaknya seorang manusia. Apa yang disebut “kesibukan duniawi” semestinya tidak memesongkanmu. Engkau menghabiskan waktumu mencari keterangan yang sama sekali tidak ada manfaatnya sedang keterangan yang hakiki engkau tinggalkan begitu sahaja seakan-akan engkau mempunyai waktu beribu-ribu tahun. Waktu yang demikian berharga engkau habiskan dengan mengajukan pertanyaan-pertanyaan yang tidak berguna seperti, “Apakah sifat cincin di sekitar planet Saturn? atau “Berapakah jumlah ayam yang ada di Amerika?” Seolah-olah engkau mahu menjadi pakar dalam ilmu astronomi atau ilmu statistik!

Jika engkau mengatakan, “Bukan hal-hal yang tak penting itu yang menghalangiku daripada mengerjakan sembahyang dan menyebabkan saya letih akan tetapi tugas penting mencari makan, maka saya akan menjawab sebagai

berikut, "Andaikata engkau bekerja sehari mendapatkan seratus kurush" dan ada orang datang dan mengatakan, "Cangkullah di sini selama sepuluh minit engkau akan menemui sebutir mutiara yang harganya seratus lira" dan engkau menjawab, "Tidak, saya tidak mahu upah saya nanti dipotong dan kehidupan saya merana." Bukankah itu merupakan suatu jawapan yang amat bodoh? Engkau kini bekerja untuk kehidupanmu dalam kebun dunia ini. Jika engkau meninggalkan sembahyang wajib itu, maka keseluruhan pekerjaanmu hanya berkisar perihal dunia semata. Sebaliknya, jika engkau meluangkan masa untuk mendirikan sembahyang yang merupakan sumber ketenangan jiwa, nescaya engkau akan memperolehi kehidupan yang penuh dengan kurnia di dunia ini dan dua sumber penting sebagai bekal di kahirat.

Sumber pertama: Dengan berniat engkau telah mendapat bahagian pahala Tuhan.

Sumber kedua: Siapa sahaja yang makan dari hasil kebunmu samada ia manusia atau binatang, samada lembu atau serangga, pembeli atau pencuri akan menyebabkan engkau dipuji kerana perbuatanmu itu dianggap perkara yang baik. Akan tetapi yang demikian itu kerana engkau berbuat kerana Allah dan dalam batas-batas yang ditentukan-Nya dan dalam masa yang sama engkau menganggap diri sebagai hamba-Nya yang menyalurkan kekayaan-Nya kepada makhluk dan hamba-hamba-Nya.

Lihat betapa besar kerugian yang dideritai oleh orang yang tidak sembahyang. Ia tidak memperolehi keuntungan sembahyang yang mendorong keazaman untuk maju. Semakin tua dia akan semakin jemu mengerjakan kebunnya dan berkata, "Apa untungnya bagi saya? Saya akan meninggalkan dunia ini. Apa gunanya saya terus-menerus bekerja?" Maka dia menjadi malas.

Tetapi orang yang lain itu berkata sebaliknya, "Saya akan meninggalkan pengabdian saya. Saya akan terus mengerjakan kebun itu supaya di kubur nanti saya mendapat cahaya dan di hari kemudian nanti saya ada bekal."

Kesimpulannya hai jiwa! Hari kelmarin telah meninggalkanmu sedang engkau tidak mempunyai jaminan bahawa hari esok akan datang. Ketahuilah bahawa hidupmu terdiri daripada hari ini sahaja. Oleh itu luangkan sekurang-kurangnya satu jam sehari untuk pergi ke masjid atau tikar sembahyang. Yang demikian itu ibarat memasukkan wang ke dalam tabung hari kemudian. Hendaklah engkau ketahui juga bahawa setiap hari segar adalah ibarat sebuah pintu yang terbuka untuk suatu dunia baru bagimu dan setiap orang. Jika engkau tidak bersembahyang nescaya duniamu hari ini akan melalui kegelapan dan kesesatan dan ianya akan menjadi musuhmu.

Sebuah istana yang terbayang pada cermin akan diwarnai oleh cermin tersebut. Jika cermin itu merah nescaya istana tersebut akan nampak berwarna merah juga. Jika cerminnya bersih nescaya istana tersebut akan nampak lebih menyenangkan kita. Tetapi jika ianya kabur maka istana itupun akan nampak buruk! Sebagaimana cermin itu dapat membuat objek nampak buruk dan kasar, demikian pula engkau dapat merubah rupa duniamu dengan hatimu, kecerdasanmu, keperibadianmu dan tindakanmu. Engkau dapat memaksanya memberi kesaksian untuk kepentinganmu atau sebaliknya kesaksian yang merugikanmu.

Jika engkau bersembahyang dan melalui sembahyang itu engkau menghadap kepada Pencipta duniamu, maka duniamu itu akan berubah diterangi cahaya. Sembahyang itu ibarat lampu dan niatmu untuk mendirikan sembahyang adalah tombol yang menghidupkan lampu atau mematikannya. Kegelapan duniamu akan lenyap dengan cahaya sembahyang. Cahaya datang dari ayat berikut:

“Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi.” (Surah an-Nur: 35) akan memasuki hatimu dan duniamu hari itu akan menjadi cerah kerana pantulan cahaya itu.

Jangan sekali-kali engkau berkata, “Betapa besar perbezaan antara sembahyang yang saya dirikan dengan keharusan sembahyang yang benar!” Kerana sudah maklum bahawa pohon kurma itu ada yang berbentuk benih dan ada pula yang berbentuk pohon

yang sudah berbuah. Bezanya hanyalah dalam ungkapan mahupun tekanannya. Sembahyangnya orang biasa seperti engkau dan saya tetap mendapat bahagian cahaya itu seperti juga sembahyang orang-orang alim, sekalipun kita tidak dapat menyamainya. Tetapi cemerlangnya cahaya sembahyang itu berbeza menurut peringkat rohaniah manusia. Sebagaimana adanya tahap yang tidak terhad yang memisahkan benih kurma itu dari pohonnya yang sudah besar, maka demikian pula ada peringkat-peringkat dalam sembahyang yang berjumlah amat banyak. Akan tetapi, pada hakikatnya cahaya terang itu akan tetap wujud pada semua peringkat.

“ Ya Allah, berilah selawat dan salam kepada (Nabi) yang bersabda:
“ Sembahyang itu tiang agama dan tiang kepada keluarga beliau serta sekalian sahabat beliau.”

10. HIDUP YANG TIDAK KEKAL

“Kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan.” (Surah Ali Imran:185)

Kehidupan di dunia ini adalah kosong dan barang tiupan.

(Peringatan untuk menyedarkan orang yang suka mengabaikan pengajaran)

Wahai jiwa yang rosak yang menyangka bahawa kehidupan ini manis seperti madu dan melupakan hari akhirat serta ingin menikmati dunia sahaja! Tahukah engkau seperti apakah engkau? Seperti burung unta yang melihat pemburu datang. Kerana tidak boleh terbang maka ia sembunyikan kepalanya ke dalam pasir dengan harapan supaya si pemburu tidak melihatnya. Tetapi malangnya badannya yang besar itu tetap nampak dan kelihatan oleh si pemburu. Burung unta itu sememangnya tidak boleh melihat kerana matanya tersembunyi di bawah tanah.

Wahai jiwa! Perhatikanlah perumpamaan ini. Lihatlah betapa dunia ini dapat merubah kesenangan menjadi suatu penderitaan yang menyakitkan. Ketahuilah, ada dua orang tinggal di bandar Barla ini. Salah seorang kemudiannya pindah ke Istanbul. Di sana dia hidup bahagia. Tinggallah rakannya seorang diri di Barla. Kerana ingin sekali dia menyusul ke Istanbul, seringkali dia mengelamun tentang bandar itu dan mendambakan bertemu dengan rakannya di sana. Seandainya ada peluang untuk berangkat, dia tentu akan pergi dengan penuh rasa ghairah dan bersemangat. Sementara dia menunggu datangnya peluang itu didengarnya berita kematian beberapa rakannya yang lain. Maka diapun bertambah sedih dan kesepian. Orang yang malang ini kemudian mencari rakan-rakan baru sebagai pengganti mereka yang sudah pergi untuk menghiburkan penderitaannya selama ini.

Wahai jiwa! Semua rakanmu telah berada di sebalik batu nesan di bawah naungan Allah Yang Maha Pengasih. Tinggal beberapa orang lagi tetapi tidak lama lagi merekapun akan pergi juga. Oleh itu jangan takut kepada kematian. Jangan takut kepada batu nesan. Jangan engkau sembunyikan kepalamu. Pandang liang kubur bagaikan seorang wira. Senyumlah dengan tabah ke arah maut. Usahakan untuk mengerti apa yang diminta oleh kematian.

Wahai jiwa! Jangan engkau berkata, “ Zaman berubah. Musim menjadi lain. Semua orang sibuk mencari dunia. Memuja kehidupan dan tenggelam dalam kesibukan mencari makan.” Kematian tidak berubah. Perpisahan tidak akan berhenti. Demikian pula kelemahan manusia dan keperluannya tidak berubah. Perjalanannya tidak pernah berhenti.

Jangan pula engkau berkata, “ Saya sama sahaja dengan semua orang.” Orang lain dapat menemanimu hanya sampai ke pintu kubur. Rasa terhibur kerana orang-orang ikut memikul jenazahmu tidaklah akan membantumu di balik batu nisan.

Dan engkau jangan sekali-kali menyangkal bahawa engkau akan dibiarkan sesuka hatimu. Seandainya engkau melihat di sekelilingmu dengan teliti akan engkau dapati bahawa segalanya diciptakan mempunyai matlamat. Tiada yang wujud di dunia ini tanpa pengaturan dan pengurusan-Nya. Oleh itu mustahil engkau wujud tanpa matlamat dan pengaturan-Nya!

Banyak kejadian alam seperti gempa bumi dan sebagainya Semuanya itu bukan kejadian mendadak yang menyelinap di antara proses penciptaan. Engkau melihat betapa dunia dihiasi dengan berbagai jenis tanaman dan binatang. Masing-masing bagaikan busana halus dan direnda lapis demi lapis di atas permukaan bumi. Engkau memandangnya dari hujung ke hujung diliputi kebijakan yang mempunyai matlamat tertentu. Segalanya berpusing secara teratur untuk mencapai matlamat mulia bagaikan tarian seorang darwis Mahlavi yang sedang dalam keadaan kemuncak.

Dalam hubungan ini, suatu gempa adalah ibarat bumi yang sedang mengangkat bahunya agar dapat melepaskan diri dari beban sampah yang menimbuninya kerana umat yang mengabaikannya pada masa lalu. Sikap meremehkan dan tidak menghargai ciptaan Allah adalah memuakkan bagi orang-orang yang beriman. Orang-orang yang tidak percaya kepada Tuhan mengatakan bahawa kejadian itu adalah secara kebetulan sahaja sehingga menyebabkan para korban menjadi putus asa kerana keurgian yang mereka deritai. Mengatakan sebegitu adalah suatu kesalahan yang besar. Bukankah kejadian-kejadian tersebut merupakan suatu cara penebusan dosa yang lahir kerana tidak adanya rasa syukur kepada Allah? Akan datang waktunya bumi yang ramah ini merasa bahawa karya manusia yang menghiasi mukanya hanya berupa tingkah laku yang mencemarkan kerana tidak ada pemujaan kepada Tuhan, kerana tidak ada kehidupan beragama. Dan oleh kerana bumi menganggap hiasan yang diciptakan oleh manusia itu buruk, maka ia membasuh dan membersihkan mukanya dengan suatu gempa besar atas perintah Tuhan Yang Maha Pencipta. Dengan perintah Tuhan, semua orang yang memuja-muja tuhan-tuhan selain Allah Taala akan dimasukkan ke dalam neraka dan mereka yang beriman akan dijemput masuk ke dalam syurga secara hormat.

11. SYARAT-SYARAT IMAN

“Dengan nama-Nya. Maha Suci Dia.”

(Ringkasan surat kepada beberapa mahasiswa dari Universiti Istanbul Risalah an-Nur)

Pada akhir karangan “Tongkat Musa”, saya menjawab pertanyaan salah seorang saudara kita, Kuchuk Ali yang namanya sederhana tetapi jiwanya besar. Beberapa pengkritik mengatakan kepadanya sambil meremehkan Risalah an-Nur, “Setiap orang tahu Tuhan. Orang awam pun percaya kepada Tuhan sebagaimana orang suci.”

Dengan cara begitu mereka ingin menegaskan bahawa diskusi yang bernilai dan sangat penting dalam Risalah an-Nur itu langsung tidak perlu. Juga di Istanbul, dengan maksud ingin merosakkan, muncul beberapa orang munafik yang telah terjerat dan tidak percaya langsung kepada Tuhan ingin melucutkan orang dari kebenaran yang terkandung di dalam Risalah an-Nur. Kata mereka, “Setiap bangsa dan setiap individu mengenal Tuhan. Kami tidak perlu mendapat arahan-arahan lagi dalam hal itu!”

Mengenal Tuhan beerti mempunyai kepercayaan kepada-Nya bahawa Dia menguasai semua makhluk dan semua benda samada yang am mahupun yang khas mulai dari atom sampai ke bintang-bintang. Semuanya berada di dalam kekuasaan-Nya dan mematuhi apa yang dikehendaki-Nya. Mengenal Tuhan beerti percaya kepada kebenaran kata-kata suci ini:

“Tiada Tuhan selain Allah” dan menyetujuinya sepenuh hati.

Dengan berkata, “Tuhan ada”, tetapi mereka membahagi-bahagikan kerajaan-Nya antara alam dan benda-benda lain. Mereka mengakui kekuasaan lain sebagai sumber kekuasaan seolah-olah ia adalah rakan Tuhan. Na’uzubillah. Kalau kita tidak berusaha memahami maksud dan kehendak-Nya dan kita selalu menolak perintah-perintah-Nya dan kalau kita mengingkari para Nabi dan Rasul yang telah diutus ke dunia ini, jika kita berbuat sedemikian, maka itu bukan percaya kepada Tuhan! Orang yang melakukan semua perkara di atas berkata,” Tuhan ada”, beerti ia hanya ingin mendapatkan

keringanan dari seksaan dunia ini. Tidak mengingkari sesuatu tidak sama ertinya dengan percaya!

Tidak ada orang yang mempunyai kesedaran akan penciptaan dapat mengingkari Pencipta Ulung. Hal itu dapat dibuktikan melalui setiap atom yang ada. Jika ada orang yang membantah maka bantahannya itu akan ditolak oleh makhluk-makhluk lain. Percaya kepada-Nya seperti yang dikatakan oleh Al-Qur'an adalah mengakui sepenuh hati wujudnya Pencipta dan segala sifat dan nama-Nya, mengakui Rasul dan Nabi yang diutus oleh-Nya serta perintah yang dikeluarkan-Nya, dan bertaubat dengan sungguh-sungguh di atas setiap dosa atau perbuatan yang mengingkari perintah Tuhan. Sebaliknya, melakukan dosa terus-menerus dan tidak pernah minta ampun adalah tanda yang jelas bahawa orang itu tidak mempunyai sedikitpun iman dan kepercayaan kepada Tuhan.

Oleh itu anak-anakku, peristiwa penting ini telah memberi kesempatan menerangkan secara singkat suatu perkara yang amat panjang dan sukar.

12. MUSUH CITA-CITA

Tanya: Apakah yang menyebabkan kita putus asa?

Jawab: Hidup terdiri dari kegiatan, gerak, keinginan dan keghairahan yang merupakan kuda tunggangan. Apabila cita-citamu duduk di atas kuda ini dan muncul dalam gelanggang perjuangan hidup, maka musuh pertama yang engkau hadapai adalah hilangnya harapan. Putus asa akan merusakkan moral. Oleh itu hunuslah pedang melawan musuh itu.

“Jangan berputus asa.” (Surah Az-Zumar: 52)

Kekuatan nafsu dan cita-cita peribadi selalu merangsang untuk menggantikan bakti kepada Tuhan yang sudah kosong. Ia akan memikul cita-cita dan akan melemparkannya dari kuda tunggangan.

Kirim kebenaran ini ke alamat musuh tersebut.

“Jadilah engkau untuk Allah.” (bahagian dari Hadith)

Apabila kekacauan dan kekalutan muncul maka pergunakan ayat berikut sebagai perisai dalam menghadapi musuh.

“Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap sedia.”
(Surah Ali-Imran: 200)

Jika engkau dihalang oleh sikap individualisme dan egoisme yang mahu menundukkan keinginan hakiki manusia yang bersifat mengendahkan hak-hak sesamanya, maka kerahlah seluruh kekuatan peribadimu dengan merenungkan hadith berikut:

“Sebaik-baik orang adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain.” (Hadith)

Kebiasaan tunduk kepada perkara-perkara rutin belaka sambil mencari keuntungan di atas sifat malas akan menyerangmu dan melumpuhkan cita-citamu. Oleh itu jadikanlah ayat berikut sebagai benteng yang kukuh untuk mempertahankan cita-citamu itu.

“dan hanya kepada Allah sahaja orang-orang bertawakkal itu berserah diri.”
(Surah Ibrahim:12)

Kemudian akan datang musuh licik yang mengajak menyerahkan tugas kepada diri sendiri. Ia akan mengajak cita-citamu agar berehat seketika. Oleh itu sampaikan kebenaran daripada ayat berikut kepada musuh itu supaya tangannya tidak boleh merosakkan aspirasimu:

“Tiadalah orang yang sesat itu akan memberi mudharat kepadamu apabila kamu mendapat petunjuk.” (Surah al-Maidah:105)

Jika datang musuh kafir yang mahu merosak pekerjaan Tuhan dan ia cuba menghalangi cita-citamu, maka dalam menghadapi musuh itu sampaikan kebenaran dengan berhati-hati supaya dia tidak berdaya.

“Maka tetaplah kamu pada jalan yang benar, sebagaimana diperintahkan kepadamu.” (Surah Hud:112)

Kemudian akan datang pula kepadamu penghulu dari segala kesusahan dan sumber dari segala kejahatan iaitu malas. Ia cuba mengikat cita-cita dan melemparkannya

ke dalam parit kehinaan. Oleh itu, sediakan senjata ampuh untuk menghadapi musuh yang memukau itu.

“Dan janganlah engkau bersekongkol melawan majikanmu.”

Kerana ketenangan yang sebenarnya hanya terdapat pada bekerja maka manusia yang sifatnya tidak tenang akan merasa mantap apabila dia berusaha dan berjuang.

“dan bahawasanya seorang manusia tiada memperolehi selain apa yang telah diusahakannya.” (Surah An-Najm:39)